

PEMANSUHAN HUKUMAN MATI

SATU PANDUAN PRAKTIKAL UNTUK NHRIs



Ketua Penerbitan:

Raphaël Chenuil-Hazan

Jawatankuasa Penggubalan:

Matthieu Stolz, Marie-Lina Samuel, Nicolas Perron, Mathilde Millier

Penyelaras:

Marie-Lina Samuel

Pengarah Artistik:

Bérangère Portalier

Diterjemahkan oleh:

Veriscript Sdn Bhd

Dibaca dan semak oleh:

Satis Kumar A/L Krishnan

Ilustrasi:

Colombe Salvaresi

Susun atur:

Olivier Déchaud

Pencetakan:

Imprim'ad hoc

Dengan sokongan
keuangan daripada
Kesatuan Eropah



Norwegian Ministry
of Foreign Affairs



ECPM

62 bis avenue Parmentier

75011 Paris

www.ecpm.org

© ECPM, 2019

ISBN: 978-2-491354-12-1

PEMANSUHAN HUKUMAN MATI

SATU PANDUAN PRAKTIKA UNTUK NHRI^s

SENARAI SINGKATAN DAN AKRONIM

ACHPR	African Commission on Human and Peoples' Rights
AFCNDH	<i>Association francophone des commissions nationales des droits de l'homme</i> (Francophone Association of National Human Rights Institutions)
ANU	Australian National University
APF	Asia Pacific Forum of National Human Rights Institutions
ASF	Avocats sans frontières (Lawyers without Borders)
CAT	Convention Against Torture and Other Cruel, Inhuman or Degrading Treatment or Punishment
CHRP	Commission on Human rights of the Philippines
CNDH-Maroc	<i>Conseil national des droits de l'homme du Royaume du Maroc</i> (National Human Rights Council of the Kingdom of Morocco)
CNDH-Niger	<i>Commission nationale des droits humains du Niger</i> (National Human Rights Commission of Niger)
CNDH-RDC	<i>Commission nationale des droits de l'homme de la République démocratique du Congo</i> (National Human Rights Commission of Democratic Republic of Congo)
CODDAE	<i>Collectif des associations pour la défense du droit à l'énergie</i> (Collective of Associations for the Defense of the Right to Energy)
DRC	Democratic Republic of Congo
ECPM	<i>Ensemble contre la peine de mort</i> (Together against the Death Penalty)
ENNHRI	European Network of National Human Rights Institutions
EU	European Union
GANHRI	Global Alliance of National Human Rights Institutions
GSP	Generalised System of Preferences
HRC	Human Rights Committee
HRCSL	Human Rights Commission of Sri Lanka
ICCPR	International Covenant on Civil and Political Rights
INCHR	Independent National Commission on Human Rights of Liberia
Komnas HAM	National Commission on Human Rights of Indonesia
MHRC	Malawi Human Rights Commission
MNHRC	Myanmar National Human Rights Commission
NANHRI	Network of African National Human Rights Institutions
NCHRF-Cameroon	National Commission on Human Rights and Freedoms
NGO	Non-governmental organisation
NHRCN	National Human Rights Commission of Nigeria
NHRI	National Human Rights Institution
NPM	National Preventive Mechanism

OHCHR	Office of the High Commissioner for Human Rights
OPCAT	Optional Protocol to the Convention Against Torture
OP2	Optional Protocol 2 (Second Optional Protocol to the International Covenant on Civil and Political Rights)
PGA	Parliamentarians for Global Action
SALI	Saving Lives Project
SUHAKAM	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia or Human Rights Commission of Malaysia
UNDP	United Nations Development Programme
UNGA	United Nations General Assembly
UPR	Universal Periodic Review
WFHR	World Forum on Human Rights

GLOSSARI

Negara-negara pemansuh untuk semua jenayah

Negara-negara atau wilayah-wilayah di mana hukuman mati telah dimasukkan sepenuhnya

Negara-negara pemansuh untuk jenayah biasa

Negara-negara atau wilayah-wilayah di mana hukuman mati telah dimansuhkan kecuali untuk situasi luar biasa

Negara-negara dengan penangguhan untuk pelaksanaan

Negara-negara atau wilayah-wilayah yang mengekalkan hukuman mati, tetapi di mana tiada pelaksanaan dijalankan untuk sekurang-kurangnya sepuluh tahun dan yang mana tidak mengundi menentang Resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) baru-baru ini yang menyeru untuk satu penangguhan sejagat ke atas pelaksanaan.

Negara-negara Pengekalan

Negara-negara atau wilayah-wilayah yang mengamalkan hukuman mati.

JADUAL KANDUNGAN

• Metodologi	9	• Kajian kes-kes	68
• Pengenalan	11	• Indonesia	68
PANDANGAN ANTARABANGSA TERHADAP PEMANSUHAN HUKUMAN MATI	15	• Malaysia	70
• Hukuman mati di bawah konvensyen-konvensyen antarabangsa	16	• Myanmar	72
• Resolusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu menyeru untuk satu penangguhan sejagat ke atas kegunaan hukuman mati	19	• Filipina	74
		• Sri Lanka	76
		• Thailand	78
FUNGSI-FUNGSI NHRIs	23	CADANGAN-CADANGAN	81
• Proses akreditasi dan kecekapan <i>NHRI</i>	24	• Cadangan-cadangan kepada <i>NHRIs</i>	82
• Rangkaian-rangkaian <i>NHRI</i>	27	• Dokumen	82
		• Menganjur kerjasama	83
AKTIVITI-AKTIVITI YANG DICADANGKAN UNTUK DIJALANKAN BAGI MENCAPAI PEMANSUHAN HUKUMAN MATI	31	• Meningkatkan kesedaran awam	82
• Dokumen	32	• Memberi cadangan-cadangan kepada negara untuk keperluan pembaharuan undang-undang	84
• Menganjur kerjasama	34	• Menggalakkan negara untuk menghormati jawatankuasa-jawatankuasa antarabangsanya	84
• Meningkatkan kesedaran awam	35	• Cadangan-cadangan kepada rangkaian-rangkaian <i>NHRI</i>	85
• Memberi cadangan-cadangan kepada negara untuk keperluan pembaharuan undang-undang	39		
• Menggalakkan negara untuk menghormati jawatankuasa-jawatankuasa antarabangsanya	41	• Lampiran	
		• Panggilan daripada <i>NHRIs</i> diisukan pada Kongress Sedunia Ke-7 menentang Hukuman Mati	87
FOKUS KEPADA PERANAN NHRIS DI AFRICA DAN ASIA	45	• Bibliografi	90
• Di Afrika	47		
• Status pemansuhan di Afrika	47		
• Status <i>NHRIs</i> Afrika dalam Pakatan Global (Oktober 2019)	48		
• Kajian kes-kes	50		
• Cameroon	50		
• Republik Demokratik Congo	52		
• Liberia	54		
• Malawi	56		
• Morocco	58		
• Niger	60		
• Nigeria	62		
• Di Asia	65		
• Status pemansuhan di Asia	65		
• Status <i>NHRIs</i> Asia dalam Pakatan Global (Oktober 2019)	66		

METODOLOGI

Panduan ini telah dihasilkan sebagai sebahagian daripada satu projek *ECPM* (bersama-sama menentang Hukuman Mati) yang dinamakan sebagai “*Supporting members of Parliaments, National Human Rights Institution (NHRIs) and civil society for the abolition of the death penalty in Central Africa and South-East Asia*”. Projek tiga tahun ini telah dilancarkan pada Januari 2017. Ia telah di dilaksanakan dengan sokongan kewangan Kesatuan Eropah (EU), Australia dan Norway.

Panduan ini terutamanya berdasarkan kepada aktiviti-aktiviti dan pengalaman *NHRI*, seperti yang diterangkan sebagai jawapan kepada satu soal selidik yang dikemukakan kepada mereka. Salah satu objektif panduan ini adalah untuk berkongsi pengalaman-pengalaman dan menyebarkannya kepada keseluruhan komuniti *NHRI* merentasi Asia dan Afrika. Penyediaan panduan ini adalah didorong oleh keyakinan bahawa perkongsian amalan yang terbaik dan mengalakkan dialog antara *NHRIs* akan menyumbang kepada penggalakkan pemansuhan hukuman mati dan negara-negara pengekalan dan/atau mereka yang mengekalkan penangguhan untuk memberi komitmen untuk bergerak ke arah pemansuhan. Panduan ini juga menjawab kepada keperluan yang dinyatakan oleh beberapa *NHRIs* untuk akses kepada lebih peralatan dalam perlawanan terhadap hukuman mati.

Tambahan kepada data yang dikumpulkan atas asas jawapan-jawapan soal selidik dan temu bual-temu bual individu yang dijalankan dengan *NHRIs*, dalam penyediaan Panduan ini adalah diperlukan untuk mendapatkan maklumat daripada perjanjian-perjanjian utama antarabangsa, artikel-artikel sains, laporan-laporan daripada organisasi-organisasi antarabangsa dan masyarakat sivil dan artikel-artikel media. Ia juga berdasarkan kepada Prosiding-prosiding Kongres Sedunia Ke-6 menentang Hukuman Mati.

Tambahan pula, beberapa aspek yang dirangkumi dalam Panduan ini muncul daripada laporan *roundtable of National Human rights Institutions* atas isu hukuman mati yang dianjurkan oleh Forum

PENGENALAN

Asia Pasifik Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (APF) pada 20 September 2018 di Hong Kong. Akhirnya, maklumat daripada pangkalan data *Cornell Centre on Death Penalty Worldwide* juga telah dimasukkan.

Semasa penyediaan Panduan ini, beberapa mesyuarat-mesyuarat dengan rakan kongsi *NHRIs* telah dijalankan termasuk semasa Persidangan Antarabangsa Ke-13 Pakatan Global Institusi Hak Asasi Manusia (GANHRI), dijalankan di Marrakech (Morocco) dari 10 sehingga 12 Oktober 2018 dan semasa Kongress Sedunia Ke-7 menentang hukuman mati dijalankan di Brussels (Belgium) dari 26 Februari sehingga 1 Mac 2019. Satu sesi kerja spesifik untuk pembangunan panduan ini telah dianjurkan selari dengan Kongres Sedunia Ke-7. Semasa mesyuarat tersebut, yang telah dianjurkan dalam semangat dialog dan telah menerimapakai satu cara penyertaan, peserta-peserta *NHRIs* mengulangi kesanggupan mereka untuk menyumbang kepada Panduan ini dan berkongsi pengalaman mereka.

Satu jawatankuasa panduan terdiri daripada ahli-ahli *ECPM* telah ditubuhkan dan telah terbabit dalam pembangunan Panduan ini dan juga kelulusan akhirnya.

NHRIs memainkan satu peranan yang penting dalam perlindungan, penggalakan dan pemantauan piawaian-piawaian hak-hak asasi manusia dan undang-undang di antara tiap-tiap negara. Mereka adalah ditadbir oleh Prinsip-prinsip Paris (*Paris Principles*) yang menubuhkan objektif-objektif mereka, membenarkan mereka mandat hak-hak asasi manusia yang luas dan mentakrifkan jaminan-jaminan kebebasan seperti pembiayaan yang mencukupi dan satu proses telus untuk memilih dan melantik ahli-ahli mereka. Undang-undang di mana mereka ditubuhkan memperuntukkan kebebasan mereka.

Tahun-tahun yang lalu telah melihat pengaruh yang meningkat terhadap satu jenis pihak yang baru, institusi-institusi bebas dengan satu dasar perlembagaan atau perundangan yang memberi mereka legitimasi yang kuat untuk menjalankan aktiviti-aktiviti mereka dan berbeza daripada pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (*NGOs*).

Selari dengan ini, konteks hak-hak asasi manusia antarabangsa terus membangkitkan beberapa kebimbangan. Pelanggaran hak-hak asasi manusia adalah biasa dan Negara-negara menunjukkan peningkatan pengunduran daripada sistem *multilateral*. Dalam konteks yang secara umumnya tidak memuaskan kepada pengukuhan instrumen-instrumen hak-hak asasi manusia antarabangsa, peranan yang dimainkan oleh *NHRIs* dalam penggalakan dan perlindungan hak-hak asasi manusia adalah penting.

Pemansuhan hukuman mati adalah dikenali secara luasnya sebagai satu tanda penghormatan kepada hak-hak asasi manusia. Hukuman mati menafikan intipati hak untuk nyawa dan jalan terhadap pemansuhannya adalah nampaknya tidak dapat dielakkan. Oleh itu, penerokaan sejarah hukuman mati bermaksud terutama sekali penerokaan sejarah pemansuhannya. Walau bagaimanapun, perspektif sejarahnya tidak harus mengaburkan penentangannya yang kerap dialami hari ini terhadap jalan ke pemansuhan sejagat. Pada 2018, sekurang-kurangnya 690 pelaksanaan hukuman mati di dua puluh negara

telah direkodkan, 993 pelaksanaan hukuman mati pada 2017, 1032 pelaksanaan hukuman mati di 2016 dan 1,634 pada 2015 (tahun yang mempunyai paling banyak pelaksanaan sejak tahun 1989)¹. Lagipun, angka-angka tersebut, yang membangkitkan kesedaran kolektif kita, (pada 2018, satu pelaksanaan hukuman mati dijalankan lebih kurang setiap dua belas jam) gagal untuk mengambil kira pelaksanaan hukuman mati yang dijalankan di China, angka-angka yang mana dianggarkan beribu-ribu adalah disimpan sebagai rahsia. Dalam konteks ini, peranan yang dimainkan oleh *NHRIs* yang memihak pemansuhan adalah tegas.

Semasa Kongres Sedunia Ke-6 Menentang Hukuman Mati yang dijalankan di Oslo dari 21 sehingga 23 Jun 2016, salah satu daripada dua sesi-sesi pleno kongres adalah dikhususkan sepenuhnya untuk *NHRIs*. Kongres tersebut adalah oleh itu, mengiktiraf bahawa pemansuhan adalah utama kepada mandat mereka dan aktiviti pemansuh haruslah lebih melibatkan mereka dalam perjalanan misi-misi mereka. Daripada sudut pandangan organisasi-organisasi masyarakat sivil, *NHRIs*, sebagai organisasi bebas telah diintegrasikan di antara radas negara, mewakili saluran yang penting. Pergerakan *NHRIs* untuk pemansuhan hukuman mati, sebagai pihak-pihak, adalah selalunya diabaikan oleh pergerakan pemansuh dan adalah oleh itu, satu cabaran ketara kepada pertubuhan-pertubuhan masyarakat sivil. Dari perspektif *NHRIs*, ia juga nampaknya penting untuk mendapatkan input pertubuhan-pertubuhan masyarakat sivil. Ia tidak boleh dinafikan bahawa mereka boleh memberikan ilmu, cara dan sumber-sumber yang diperlukan untuk memenuhi misi-misi yang diamanahkan kepada mereka di bawah mandat mereka. Semasa Kongres Sedunia Ke-6, ia adalah diingatkan bahawa semua *NHRIs* bukanlah sama dan kebebasan mereka berkenaan dengan kuasa-kuasanya berbeza di antara negara-negara. Namun tetapi, ia juga adalah jelas bahawa dengan bekerja dengan pihak-pihak ini, pergerakan pemansuh akan membuat progres dalam pemansuhan di seluruh dunia².

- 1 Angka-angka daripada Laporan daripada Amnesti Antarabangsa, termasuk: *Death Penalty in 2018: Facts and figures*, <https://www.amnesty.org/en/latest/news/2019/04/death-penalty-factsand-figures-2018/Guide>
- 2 ECPM, "Proceedings of the 6th World Congress against the Death Penalty, 21-23 Jun 2016, Oslo", *Cahiers de l'abolition* N° 4

Sebagai ketua dalam pergerakan pemansuh, *ECPM* telah menyumbang kepada penentangan terhadap hukuman mati di tahap antarabangsa sejak 2000. Persatuan Perancis ini berusaha untuk mempersekutukan dan menggerakkan pasukan-pasukan pemansuh antarabangsa, mengalakkan pemansuh sejagat melalui pendidikan, maklumat dan peningkatan penyedaran awam, mengukuhkan kapasiti pemansuh masyarakat sivil dan mengambil tindakan bagi pihak banduan-banduan hukuman mati di seluruh dunia³. Lagipun, *ECPM* adalah di belakang penubuhan Gabungan Menentang Hukuman Mati Sedunia pada Mei 2002 dan menganjurkan pada setiap tiga tahun Kongres Sedunia Menentang Hukuman Mati. Kongres Sedunia Ke-7 yang diadakan di Brussels, Belgium, dari 26 Februari ke 1 Mac 2019⁴.

Ia adalah sekarang diterima bahawa isu-isu hukuman mati dan subjek-subjek yang berkenaan, seperti pematuhan dengan piawaian-piawaian antarabangsa hak-hak asasi manusia untuk perbicaraan dan penahanan yang adil, adalah di bawah mandat mereka secara penuhnya. Oleh itu, pemansuhan hukuman mati haruslah menjadi keutamaan *NHRIs*, atas dasar yang sama dengan pertempuran terhadap penyeksaan dan hukuman atau layanan lain yang zalim, tidak berperikemanusiaan dan menjatuhkan maruah. Keadaan hidup untuk banduan-banduan hukuman mati selalunya mengakibatkan layanan yang zalim, tidak berperikemanusiaan dan menjatuhkan maruah ataupun malah satu cara seksa⁵. *NHRIs* haruslah merangkul kepada isu-isu ini secara sepenuhnya.

Dihasilkan dengan kerjasama rakan kongsi *ECPM*, *NHRIs*, panduan yang inovatif ini, adalah diniatkan untuk menjadi satu alat praktikal untuk menyokong aktiviti-aktiviti masa depan *NHRIs* mengenai hukuman mati dengan mengukuhkan kapasitinya.

- 3 Untuk maklumat lanjut lihat www.ecpm.org
- 4 Untuk maklumat lanjut lihat <http://congres.ecpm.org/en>
- 5 Lihat "Living conditions on death row", *Detailed factsheet, World Day against the Death Penalty, 10 October 2018, World Coalition against the Death Penalty*, http://www.worldcoalition.org/media/resourcecenter/EN_FactSheet_WD2018

Panduan ini telah distrukturkan kepada lima bahagian utama:

- Pengendalian antarabangsa terhadap pemansuhan hukuman mati;
- Fungsi-fungsi *NHRIs*;
- Aktiviti-aktiviti yang dicadangkan untuk dijalankan untuk mencapai pemansuhan hukuman mati;
- Fokus kepada peranan NHRIs di Afrika dan Asia;
- Cadangan-cadangan.

Angka-angka yang dinyatakan mencerminkan situasi global hukuman mati pada 2018 – 2019. Beberapa data adalah oleh itu, tertakluk kepada perubahan.

**PENGENDALIAN
ANTARABANGSA
TERHADAP
PEMANSUHAN
HUKUMAN
MATI**



HUKUMAN MATI DI BAWAH KONVENSIEN-KONVENSIEN ANTARABANGSA


Sembilan perjanjian-perjanjian teras hak-hak asasi manusia antarabangsa⁶ membentuk dasar undang-undang hak-hak asasi manusia antarabangsa⁷. Empat teks antarabangsa dan tiga protokol serantau secara spesifiknya mengendalikan hukuman mati (lihat muka surat 18). Protokol Pilihan Kedua kepada Kovenan Antarabangsa Hak Sivil dan Politik, yang menyasarkan untuk memansuhkan hukuman mati (OP2), adalah satu-satunya instrumen sejagat yang menghalang pelaksanaan hukuman mati dan memperuntukkan kepada pemansuhan hukuman mati sepenuhnya. Teks ini mewajibkan Negara-negara yang meratifikasi untuk menamatkan kegunaan hukuman mati secara berkekalan, dengan itu menyumbang kepada pemansuhan secara berkekalan. Oleh itu, negara-negara yang telah memansuhkan hukuman mati digalakkan untuk meratifikasi teks ini untuk menyempurnakan proses pemansuhan dan mengelakkan kemungkinan pengembalian semula hukuman mati di bawah undang-undang domestik. Sehingga kini, 88 Pihak-pihak Negara telah meratifikasi OP2.

“Hukuman mati adalah tidak serasi dengan tenen asas hak-hak asasi manusia, secara khususnya martabat manusia, hak kepada kehidupan dan larangan penyeksaan atau layanan atau hukuman lain yang zalim, tidak berperikemanusiaan atau yang menjatuhkan maruah. Kenyataan ketara ini adalah disahkan daripada evolusi undang-undang hak-hak asasi manusia antarabangsa dan perundangan, dan daripada amalan negara.”⁸

Zeid Ra'ad Al Hussein, Pesuruhjaya Tinggi Hak Asasi Manusia PBB pada ketika itu, di Kongres Sedunia Ke-6 Menentang Hukuman Mati

- 6 Sembilan perjanjian-perjanjian ini boleh didapati di: <https://www.ohchr.org/EN/ProfessionalInterest/Pages/InternationalLaw.aspx>
- 7 Beberapa penulis telah mengendalikan isu ini dan banyak kesusasteraan wujud untuk topik ini. Untuk menerokai isu ini dengan lebih lanjut, lihat, khususnya, *William A. Schabas, The Abolition of the Death Penalty in International Law (Cambridge University Press, 2002)*, *Nadia Bernaz, Le Droit international et la peine de mort (La Documentation française, 2008)* dan *Magali Lafourcade, Les Droits de l'homme (Presse universitaire de France, “Que sais-je?” series, 2018)*.
- 8 Zeid Ra'ad Al Hussein, dalam ECPM, “*Proceedings of the 6th World Congress against the Death Penalty, 21-23 June 2016, Oslo*”, Cahiers de l'abolition No. 4.

PENGGUNAAN OP2
2019



**TEKS-TEKS UTAMA ANTARABANGSA
BERTUJUAN UNTUK PEMANSUHAN HUKUMAN MATI**

TARIKH	TEKS-TEKS	SKOP	PERUNTUKAN-PERUNTUKAN UTAMA UNTUK HUKUMAN MATI	APLIKASI
1948	Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat	Sejagat	<i>Setiap orang adalah berhak kepada kehidupan, kebebasan dan keselamatan diri</i> Artikel 3	Menaklukkan hak kepada kehidupan
1966	Kovenan Antarabangsa Hak Sivil dan Politik (ICCPR)	Sejagat	<i>Hukuman mati hanya boleh dikenakan untuk jenayah yang paling serius berdasarkan kepada undang-undang yang berkuasa pada masa perlakuan jenayah.</i> Artikel 6-2	Penafsiran ketat dan evolutif kepada jenayah-jenayah yang membawa hukuman mati. Had yang ketat untuk skop hukuman mati.
1989	Konvensyen Hak Kanak-Kanak	Sejagat	<i>Tiada hukuman mati ataupun penjara seumur hidup tanpa kemungkinan untuk pelepasan boleh dikenakan untuk kesalahan yang dilakukan oleh seseorang yang berumur di bawah 18 tahun</i> Artikel 37a	Larangan untuk penggunaan hukuman mati terhadap kanak-kanak di bawah umur.
1989	Protokol Pilihan Kedua kepada Kovenan Antarabangsa Hak Sivil dan Politik (OP2)	Sejagat	Tiada sesiapa dalam bidang kuasa pihak negara kepada Protokol ini boleh dikenakan hukuman mati Artikel 1-1	Pemansuhan hukuman mati tidak boleh tertakluk kepada sebarang pengurangan.
1983	Protokol Ke-6 kepada Konvensyen untuk Perlindungan Hak Asasi dan Kebebasan Asas Mengenai Pemansuhan Hukuman Mati	Serantau (Eropah)	Hukuman mati haruslah dimansuhkan. Tiada sesiapa boleh dikenakan dengan hukuman atau pelaksanaan seperti ini. Artikel 1	Pemansuhan hukuman mati semasa masa aman.
2002	Protokol Ke-13 kepada Konvensyen untuk Perlindungan Hak Asasi Manusia dan Kebebasan Asas Mengenai Pemansuhan Hukuman Mati	Serantau (Eropah)	Telah diputuskan untuk mengambil langkah-langkah akhir untuk memansuhkan hukuman mati dalam apa-apa jua keadaan. Hukuman mati haruslah dimansuhkan. Tiada sesiapa pun boleh dikenakan dengan hukuman atau pelaksanaannya seperti ini. Artikel 1	Pemansuhan hukuman mati dalam apa jua keadaan, malah untuk tindakan-tindakan yang dilakukan semasa perang atau ancaman perang yang akan berlaku.
1990	Protokol kepada Konvensyen Amerika mengenai Hak Asasi manusia untuk Memansuhkan Hukuman Mati	Serantau (Amerika)	Pihak-pihak Negara kepada Protokol ini tidak boleh memakai hukuman mati dalam wilayah mereka kepada sesiapa orang yang tertakluk kepada bidang kuasa mereka. Artikel 1	Pemansuhan sepenuh hukuman mati semasa masa aman.

RESOLUSI PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU MEMANGGIL UNTUK SATU MORATORIUM SEJAGAT ATAS PENGGUNAAN HUKUMAN MATI

Setiap dua tahun, pemansuhan hukuman mati juga dititikberatkan oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA). Sejak 2007, tujuh resolusi-resolusi telahpun diterimapakai oleh UNGA memanggil untuk satu moratorium sejagat ke atas pelaksanaan hukuman mati⁹. Resolusi-resolusi ini membawa kepada satu siri hujahan undang-undang untuk pertubuhan satu moratorium sejagat ke atas hukuman mati. Mereka secara khususnya mempertimbangkan bahawa: “satu moratorium atas penggunaan hukuman mati menyumbang kepada penghormatan maruah manusia dan juga kepada peningkatan dan pembangunan secara progresif hak-hak asasi manusia (*a moratorium on the use of the death penalty contributes to respect for human dignity and to the enhancement and progressive development of human rights*),” dan “bahawa tiada bukti konklusif berkenaan dengan nilai pencegahan hukuman mati (*that there is no conclusive evidence of deterrent value of death penalty*)”.

la juga adalah menarik untuk memperhatikan bahawa Resolusi-resolusi **71/187 pada 19 Disember 2016 dan 73/175 pada 17 Disember 2018 secara nyata menyatakan peranan NHRIs “dalam menyumbang kepada perbahasan tempatan dan kebangsaan yang berterusan dan juga inisiatif-inisiatif serantau terhadap hukuman mati (*in contributing to ongoing local and national debates and regional initiatives on the death penalty*)”.**


Tambahan pula, Resolusi yang diterimapakai pada Disember 2018 menyeru kesemua Negara:

⁹ Resolusi 62/149 pada 18 Disember 2007: <https://undocs.org/en/A/RES/62/149>; 63/168 pada 18 Disember 2008: <https://undocs.org/en/A/RES/63/168>; 65/206 daripada 21 Disember 2010: <https://undocs.org/en/A/RES/65/206>; 67/176 daripada 20 Disember 2012: <https://undocs.org/en/A/RES/67/176>; 69/186 pada 18 Disember 2014: <https://undocs.org/en/A/RES/69/186>; 71/187 pada 19 Disember 2016: https://www.un.org/en/ga/search/view_doc.asp?symbol=A/%20RES/71/187; dan 73/175 pada 17 Disember 2018: <https://undocs.org/pdf?symbol=en/A/%20RES/73/175> memanggil untuk satu moratorium atas kegunaan hukuman mati.


- Untuk menghormati piawai antarabangsa yang memberi perlindungan yang menjamin perlindungan hak-hak sesiapa yang menghadapi hukuman mati [...];
- Untuk mematuhi obligasi-obligasi mereka di bawah Artikel 36 Konvensyen Vienna mengenai Perhubungan Konsular 1963 [...];
- Untuk menyediakan maklumat relevan [...] berkenaan dengan penggunaan hukuman mati oleh mereka [...];
- Untuk menyekat penggunaan hukuman mati secara berperingkat [...];
- Untuk mengurangkan bilangan jenayah di mana hukuman mati mungkin boleh dikenakan ke atasnya [...];
- Untuk memastikan sesiapa yang menghadapi hukuman mati boleh menggunakan hak mereka untuk memohon pengampunan atau pengurangan hukuman mati [...];
- Untuk memastikan hukuman mati tidak dipakaikan atas dasar undang-undang yang berdiskriminasi [...];
- Untuk menubuhkan satu moratorium atas pelaksanaan hukuman mati bertujuan untuk memansuhkan hukuman mati [...].”

Evolusi undi-undi untuk resolusi ini adalah satu tanda baik untuk perkembangan global untuk pergerakan pemansuh dan setiap kali resolusi ini diundi oleh UNGA, resolusi ini diterimapai oleh bilangan negara yang semakin meningkat.

Evolusi undi-undi untuk resolusi ini sejak 2007



Undi-undi untuk resolusi PBB untuk satu moratorium sejang terhadap penggunaan hukuman mati pada 2018




Keputusan undi ini adalah awam¹⁰ dan membolehkan komitmen negara-negara pada tahap antarabangsa dapat disahkan dengan mudah. Resolusi 2018 telah diterimapakai oleh majoriti besar Negara-negara. Peningkatan dalam undi yang memihak resolusi ini jelasnya menunjukkan bahawa pergerakan pemansuh adalah meningkat di antara komuniti antarabangsa dan bahawa jumlah Negara-negara yang lebih besar berniat untuk menubuhkan satu moratorium dengan tujuan untuk pemansuhan.

¹⁰ Keputusan undi-undi ini boleh didapati di <https://www.un.org/en/ga/documents/voting.asp>. Untuk mendapat akses kepada mereka, cari dengan menggunakan rujukan (atau nombor klasifikasi) untuk resolusi tersebut.

FUNGSI-FUNGSI *NHRIs*



PROSES PENGIKTIRAFAN DAN KOMPETENSI NHRIs



Status C tidak lagi dibenarkan oleh GANHRI. Status ini dikekalkan hanya untuk institusi-institusi yang telah diiktirafkan sebelum Oktober 2007.

Kompetensi NHRIs di bawah Prinsip-prinsip Paris

<p>1 ● Untuk mengemukakan kepada Kerajaan, Parlimen dan mana-mana badan kompeten lain, atas dasar nasihat sama ada atas permohonan pihak-pihak berkuasa yang berkenaan atau melalui pelaksanaan kuasanya untuk mendengar satu perkara tanpa rujukan lebih tinggi, pendapat, cadangan-cadangan dan laporan-laporan ke atas apa-apa perkara berkenaan dengan penggalakan dan perlindungan hak-hak asasi manusia; institusi kebangsaan mungkin memutuskan untuk menerbitkannya.</p>	<p>2 ● Untuk menggalakkan dan memastikan pengharmonian undang-undang kebangsaan, peraturan-peraturan dan amalan-amalan dengan instrumen-instrumen hak-hak asasi manusia antarabangsa di mana Negara itu adalah satu pihak dan keberkesanan pelaksanaannya.</p>
<p>3 ● Untuk menggalakkan ratifikasi instrumen-instrumen yang dinamakan di atas atau penyertaan kepada instrumen-instrumen tersebut dan untuk memastikan pelaksanaannya.</p>	<p>4 ● Untuk menyumbang kepada laporan-laporan Negara yang mana diperlukan untuk mengemukakan kepada badan-badan dan jawatankuasa-jawatankuasa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan kepada institusi-institusi serantau, berdasarkan obligasi-obligasi perjanjian dan, apabila diperlukan, untuk menyatakan satu pendapat atas subjek ini, dengan hormat kepada kebebasan mereka.</p>
<p>5 ● Untuk kerjasama dengan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan juga organisasi-organisasi yang lain dalam sistem Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, institusi-institusi serantau dan institusi-institusi kebangsaan negara-negara lain yang kompeten dalam bidang-bidang perlindungan dan penggalakan hak-hak asasi manusia¹¹.</p>	<p>6 ● Untuk membantu dalam pembinaan program-program untuk pengajaran dan penyelidikan hak-hak asasi manusia dan mengambil bahagian dalam pelaksanaan di sekolah, universiti-universiti dan bulatan profesional.</p>
<p>7 ● Untuk menerbitkan hak-hak asasi manusia dan usaha untuk menentang semua bentuk diskriminasi, secara khususnya diskriminasi perkauman, dengan meningkatkan penyedaran awam, khasnya melalui maklumat dan pengajaran dan juga menggunakan segala badan-badan akhbar.</p>	

Sumber: Prinsip-prinsip Paris

¹¹ Dalam banyak negara, OHCHR menyokong pembinaan dan fungsi-fungsi NHRIs. Lihat <https://www.ohchr.org/Documents/Publications/FactSheet19en.pdf>

RANGKAIAN-RANGKAIAN NHR/

Bagi melaksanakan tanggungjawab-tanggungjawab mereka, **cara-cara tertentu operasi adalah digalakkan**. *NHRIs* boleh menubuhkan kumpulan-kumpulan kerja daripada ahli-ahli mereka, mempertimbangkan secara bebas tanpa rujukan kepada pihak atasan sebarang perkara-perkara dalam kompetensi mereka dan menangani pendapat awam secara terus melalui badan-badan akhbar untuk menerbitkan pendapat-pendapat dan cadangan-cadangan mereka.

Oleh itu, *NHRIs* mempunyai mandat yang luas untuk perlindungan dan penggalakan hak-hak asasi manusia dan secara khususnya cara-cara yang bersemangat untuk operasi. Beberapa *NHRIs* juga mempunyai satu mandat sebagai satu Mekanisme Pencegahan Nasional (NPM)¹² yang secara automatiknya memberi kuasa kepada mereka untuk memantau tempat-tempat penafian kebebasan. Dengan itu, mereka mempunyai kecekapan untuk menangani isu hukuman mati dan juga menikmati kebebasan yang besar dalam pelaksanaan tugas-tugas mereka. Isu-isu berkaitan dengan hukuman mati, seperti hak untuk perbicaraan adil, dan jaminan-jaminan prosedur mematuhi piawaian-piawaian hak-hak asasi manusia antarabangsa, syarat-syarat penahanan untuk hukuman mati, di mana dalam kes-kes majoriti, sama dengan layanan yang zalim, tidak berperikemanusiaan atau menjatuhkan maruah, mahupun suatu bentuk penyeksaan, juga jatuh dalam mandat *NHRIs*.

12 Protokol Pilihan kepada Konvensyen Menentang Penyeksaan PBB (OPCAT) menubuhkan sistem untuk pencegahan penyeksaan berdasarkan kepada lawatan-lawatan ke tempat-tempat penahanan dilaksanakan oleh badan-badan antarabangsa dan kebangsaan. Negara mungkin boleh memilih untuk menetapkan satu atau lebih institusi sedia ada atau *NPMs* atau menubuhkan badan-badan baru. Beberapa *NHRIs* telah ditetapkan oleh *NPMs* oleh negara-negara.

- **Pakatan Global Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (GANHRI)** Sebagai rangkaian utama institusi-institusi hak-hak asasi manusia, *GANHRI* mempunyai 123 ahli-ahli. Ia mengukuhkan dan menggalakkan *NHRIs* untuk mematuhi dengan Prinsip-prinsip Paris, secara khususnya melalui proses pengiktirafan dan memberi kepimpinan dalam penggalakan dan perlindungan hak-hak asasi manusia.
- **Forum Asia Pasifik Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (APF)** Forum ini telah ditubuhkan pada 1996, beroperasi di rantau Asia-Pacific dengan 25 ahli-ahli *NHRIs* ditempatkan di seluruh rantau Asia-Pacific. Berpusat di Sydney, Australia, ia menyokong ahli-ahlinya melalui program *capacity-building* dan bertujuan untuk menubuhkan *NHRIs* bebas di seluruh rantau¹³. Ia melaksanakan satu projek atas *capacity-building NHR/* yang memberi tumpuan secara spesifiknya kepada penentangan ke atas hukuman mati¹⁴.
- **Network of African National Human Rights Institutions (NANHRI)**: Ditubuhkan pada 2007 dan dipusatkan di Nairobi (Kenya), ia membawa bersama-samanya 44 *NHRIs* di Afrika¹⁵.
- **European Network of National Human Rights Institutions (ENNHRI)**: Kumpulan *NHRIs* Eropah untuk penggalakan dan perlindungan hak-hak asasi manusia adalah terdiri daripada *NHRIs* Eropah, yang mana majoritinya mempunyai pengiktirafan status A. Ia kerap menganjurkan persidangan-persidangan serantau dan *roundtables*.
- **Network of National Institutions for the Promotion and Protection of Human Rights in the Americas**: Ditubuhkan pada 2000, ia bertujuan untuk menggalakkan budaya-budaya

13 Lihat perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh APF: <http://www.asiapacificforum.net/support/>

14 Melalui projek "Pemansuhan Hukuman Mati", APF memberikan pertolongan kewangan dan teknikal kepada *NHRIs* di serantau Asia-Pacific (Malaysia, Filipina dan Myanmar) untuk menyokong kerja advokasi mereka.

15 Lihat sejarah dan misi-misi NANHRI di <https://www.nanhri.org/our-history/>

hak-hak asasi manusia, mengukuhkan pengiktirafan *NHRIs* dan pematuhan kepada komitmen-komitmen antarabangsa, menyumbang kepada perkembangan demokratik, mengukuhkan *NHRIs* sedia ada dan menyokong perkembangan *NHRIs* yang baru dan baru muncul berdasarkan kepada prinsip-prinsip Paris.

- ***Francophone Association of National Human Rights Commissions (Association francophone des commission nationales des droits de l'homme – AFCNDH)***: Ia membawa bersama *NHRIs* di negara-negara francophone. Ditubuhkan pada Mei 2002, ia mempunyai 35 ahli-ahli kebangsaan, termasuk 27 ahli-ahli di Afrika¹⁶. AFCNDH secara khususnya, menganjurkan satu seminar berkenaan hukuman mati di Morocco pada Oktober 2017¹⁷. Seminar tersebut merupakan satu peluang untuk mengulangi peranan penting dimainkan oleh *NHRIs* dalam perjuangan pemansuh dan juga mempertimbangkan cara-cara untuk mengalakkan mereka untuk mengambil bahagian dalam penentangan terhadap hukuman mati.

16 Lihat keahlian AFCNDH di <http://afcnhd.org/membres/>

17 Lihat <https://www.cndh.org.ma/an/article/abolition-death-penalty-african-french-speaking-countries-driss-el-yazami-after-de-facto>

**AKTIVITI-AKTIVITI
YANG DICADANGKAN
UNTUK
DILAKSANAKAN
UNTUK
MENCAPAI
PEMANSUHAN
HUKUMAN
MATI**



Aktiviti-aktiviti yang dibentangkan dalam bahagian ini adalah selaras dengan kuasa yang diberikan kepada *NHRIs* di bawah Prinsip-prinsip Paris. Mereka boleh dipertimbangkan sebagai langkah-langkah beransur untuk maju ke arah pemansuhan hukuman mati dan justerunya boleh dilaksanakan mengikut susunan di mana ia muncul di bawah atau dijalankan secara berasingan tanpa mengikuti suatu susunan kronologi spesifik. Oleh itu, setiap *NHRI*, dengan mengambil kira konteks kebangsaannya, boleh menentukan mana tindakan yang harus dijalankan dan susunan untuk berbuat demikian.



DOKUMEN

Beberapa kajian telah mencatatkan cabaran-cabaran yang serius dalam mengakses data yang boleh dipercayai mengenai penggunaan hukuman mati. Akses kepada maklumat sedemikian adalah berbeza mengikut konteks kebangsaan dan kategori *NHRI*. Seseengah *NHRIs* mempunyai mandat jelas untuk melawat tempat penahanan di bawah undang-undang yang menubuhkan institusi tersebut (contohnya, Côte d'Ivoire) di mana yang lain tiada mandat sedemikian. Terdapat juga kategori *NHRI* yang lain, seperti yang dinyatakan di atas, menggabungkan suatu NPM: *NHRIs*-NPMs ini mempunyai akses kepada semua data dan maklumat mengenai tempat penahanan (contohnya, Cameroon, Morocco, Rwanda) dan mempunyai suatu mandat untuk memantau kemudahan tersebut.

Di Republik Demokratik Congo (DRC), hampir tiada sumber-sumber atau statistik yang menunjukkan data mengenai jumlah individu-individu yang dihukum mati, keadaan penahanan di tempat penahanan secara umum dan di bilik akhir khususnya. Di Indonesia atau Malaysia, ia juga sangat sukar untuk mendapatkan data telus mengenai jumlah hukuman mati yang dijalankan

dan alasan-alasan mereka. Dalam ketiadaan data tersebut, *NHRIs* boleh memulakan, di mana praktikal, kempen-kempen pemungutan data kebangsaan, bekerjasama dengan pihak-pihak berkuasa kehakiman (pendakwaraya-pendakwaraya dan hakim-hakim) dan pihak-pihak berkuasa penjara-penjara secara khususnya. Data-data ini akan membolehkan penerbitan laporan-laporan empirikal dan penubuhan statistik mengenai penggunaan hukuman mati (bilangan hukuman yang dilaksanakan, bilangan hukuman mati, masa dalam bilik akhir, status sosio-ekonomi banduan-banduan hukuman mati, dan lain lain).

Selanjutnya, dalam rangka kerja penyediaan "*laporan-laporan atas keadaan kebangsaan berhubung dengan hak-hak asasi manusia secara umum dan mengenai perkara yang lebih spesifik*"¹⁸, *NHRIs* harus memeriksa dan mendokumentasikan keadaan penahanan banduan-banduan melalui lawatan-lawatan tetap dan pemantauan kemudahan penahanan. Semasa lawatan-lawatan tersebut, kawasan yang dikhususkan untuk banduan-banduan hukuman mati mesti tertakluk kepada tumpuan tertentu disebabkan oleh kekhususan mereka. Banduan-banduan hukuman mati biasanya tidak berkongsi tempat penahanan yang sama seperti banduan biasa dan mereka selalunya menjadi mangsa-mangsa diskriminasi, "dilupakan" dan tidak dilihat sebagai manusia oleh pentadbiran penjara-penjara. Pengasingan dan diskriminasi yang dihadapi oleh banduan-banduan hukuman mati sambil menunggu pelaksanaan hukuman mereka mengakibatkan kebimbangan yang banyak, dirujuk sebagai "sindrom banduan hukuman mati".

Dalam rangka kerja lawatan-lawatan penjara-penjara, *NHRIs* boleh meminta untuk menemu bual banduan-banduan hukuman mati, peguam-peguam mereka, pentadbir-pentadbir penjara-penjara, keluarga banduan-banduan atau NGOs yang beroperasi di tempat penahanan di mana mereka ditahan. Semasa temu bual dengan orang-orang tersebut, soalan-soalan boleh berkait dengan profil banduan-banduan, perwakilan undang-undang, keadaan penahanan (sel-sel, akses kepada penjagaan kesihatan, akses kepada kerja dan aktiviti-aktiviti, hubungan dengan dunia luar, sanitasi dan kebersihan), penyeksaan dan layanan buruk, langkah-langkah disiplin, bantuan konsular (untuk banduan-banduan asing), dan sebagainya.

18 Artikel 3.1 dalam Prinsip-prinsip Paris: "Kompetensi dan kewajiban".

Di bawah mandat mereka, *NHRIs* juga boleh memaklumkan pihak-pihak berkuasa awam yang bertanggungjawab atas pentadbiran penjara-penjara bagi Peraturan Minimum Standard Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi Layanan terhadap Tahanan (Kaedah-kaedah Nelson Mandela¹⁹), melalui sesi-sesi latihan, seperti yang dijalankan di Liberia, sebagai contoh. Peraturan Nelson Mandela dikenakan kepada semua banduan tanpa pengecualian, termasuk banduan-banduan hukuman mati.



MENGANJURKAN KOLABORASI

Menurut cara-cara operasi yang ditakrifkan dalam Prinsip-prinsip Paris, *NHRIs* boleh menubuhkan antara kalangan ahli-ahlinya “*kumpulan kerja [...] dan menubuhkan bahagian tempatan atau serantau untuk membantu [...] dalam penyempurnaan [fungsi mereka]*”. Mereka juga boleh “[*m]*engekalkan rundingan dengan badan-badan lain, sama ada dalam bidang kuasa sama atau sebaliknya, bertanggungjawab tentang penggalakan dan perlindungan hak-hak asasi manusia (khususnya, pegawai yang menyiasat aduan daripada orang ramai berkenaan jentera kerajaan (*ombudsmen*), pengantara dan institusi-institusi yang serupa)”. Dalam rangka kerja mereka atas aktiviti-aktiviti pemansuhan hukuman mati, *NHRIs* akan mendapat manfaat daripada menjangkau pihak-pihak masyarakat sivil (*civil society actors*) dan pergerakan pemansuhan (*abolitionist movement*). Mereka boleh membincang tentang amalan-amalan mereka dan maju bersama ke arah pemansuhan.

NHRIs juga boleh mengadakan mesyuarat-mesyuarat tetap dengan pelbagai pihak-pihak dalam bidang ini (agensi-agensi kerajaan, ahli-ahli parlimen, perkhidmatan diplomatik, badan-badan keagamaan, NGOs, NPMs, di mana terpakai, pengamal undang-undang, ahli-ahli akademik dan pelajar-pelajar). Beberapa cara tindakan yang menyokong pemansuhan sesungguhnya terletak di tangan pelaksana lain yang berkenaan dalam bidang hak-hak asasi manusia. Pertama dan terpenting, ahli-ahli parlimen mempunyai peranan penting untuk dimainkan. Dalam hal ini, *NHRIs* mungkin ingin mempertimbangkan untuk menggunakan kepakaran dan kerja Platform Parlimen Global bagi Pemansuhan Hukuman Mati, yang ditubuhkan oleh *Parliamentarians for Global Action*, (PGA). Platform ini memaklumkan dan menggerakkan ahli-ahli parlimen untuk mencapai pemansuhan dan menjadi penyampai penting untuk menggalakkan kerja yang dilakukan oleh *NHRIs* dalam Parlimen-parlimen.

¹⁹ Lihat Peraturan Minimum Standard Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi Layanan terhadap Tahanan (dirujuk sebagai “Peraturan Nelson Mandela”), seperti diterima pakai oleh Resolusi 70/175 bagi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Perhimpunan Agung pada 17 Disember 2015. Lihat https://www.unodc.org/documents/justiceand-prison-reform/GA-RESOLUTION/E_ebook.pdf



MENINGKATKAN KESEDARAN ORANG RAMAI

Dalam negara yang mengekalkan hukuman mati (*retentionist States*) dan yang memohon moratorium, pendapat awam selalunya dibangkitkan oleh pihak-pihak berkuasa politik untuk membenarkan pengekalan *status quo*. Contohnya, di Cameroon, Kerajaan menyatakan bahawa hukuman mati harus dikekalkan dalam undang-undang domestik kerana hukuman mati mempunyai sokongan popular. Tuntutan ini tidak berdasarkan atas apa-apa kajian yang boleh dipercayai atau kaji selidik tentang sokongan popular bagi hukuman mati. Di Cameroon, seperti di banyak negara lain, hukuman mati bukan subjek perdebatan dalam media, oleh ahli-ahli parlimen ataupun pemimpin-pemimpin pendapat.

Suatu kajian yang dilakukan oleh Roger Hood di Malaysia²⁰ menunjukkan bahawa sokongan popular untuk hukuman mati tidak begitu penting apabila diletakkan dalam konteks keadilan jenayah-jenayah. Walaupun responden-responden pada mulanya menyatakan sokongan untuk hukuman mati secara umumnya, balasan mereka banyak berbeza apabila mereka dibentangkan dengan alternatif untuk melawan jenayah-jenayah (contohnya, penguatkuasaan hukuman-hukuman penjara-penjara yang lebih baik, pendidikan yang lebih baik atau sistem kehakiman dan polis yang lebih cekap).

Comment les INDH peuvent-elles sensibiliser l'opinion publique ?
Bagaimanakah *NHRIs* dapat meningkatkan kesedaran orang ramai? “[P]ublisikan hak-hak asasi manusia [...], dengan meningkatkan kesedaran orang ramai, terutamanya melalui

²⁰ Roger Hood, *The Death Penalty in Malaysia, Public opinion on the mandatory death penalty for drug trafficking, murder and firearms offences, The Death Penalty Project* secara kolaborasi dengan Badan Peguam Malaysia, 2013.

maklumat dan pendidikan dan dengan menggunakan semua saluran media.”²¹

Bagi tujuan ini, ia adalah penting untuk mengadakan tinjauan-tinjauan pendapat untuk mengetahui tahap pengetahuan orang ramai dan persepsi orang ramai.

Persepsi awam terhadap hukuman mati di Filipina

Di Filipina, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Filipina (CHRP) menjalankan pelbagai aktiviti-aktiviti untuk mengetahui pendapat awam dengan lebih baik. Ia muncul daripada tindakan-tindakan ini bahawa penduduk-penduduk Filipina adalah sangat menentang hukuman mati dan apa-apa pindaan perlembagaan yang membolehkan pengembalian semula hukuman mati. Pada bulan Mac 2018, suatu tinjauan yang dilakukan oleh *Social Weather Station* bagi pihak CHRP mengenai persepsi-persepsi orang ramai tentang hukuman mati (Kaji Selidik Kebangsaan mengenai Persepsi-persepsi Awam tentang Hukuman Mati) menunjukkan paling banyak hanya 33% daripada penduduk-penduduk Filipina menyokong hukuman mati berhubung dengan enam daripada tujuh jenayah-jenayah yang berkaitan dengan penyeludupan atau penggunaan dadah. Dalam kaji selidik ini, yang merupakan kaji selidik pertama sedemikian di Filipina yang berkaitan dengan hukuman mati, 2,000 orang telah ditemu bual. Ia mendedahkan bahawa kebanyakan penduduk di Kepulauan Filipina masih menyokong pemansuhan. CHRP juga mengadakan dialog dengan wakil-wakil daripada pelbagai komuniti-komuniti di Filipina. Pertukaran ini sangat berguna untuk meningkatkan kesedaran dan mendapatkan pendapat-pendapat mereka. CHRP dan banyak lagi *NHRIs* lain juga menggunakan potensi rangkaian sosial untuk menjangkau orang ramai sebanyak mungkin dan menjalankan kempen peningkatan kesedaran secara atas talian, sambil memerangi maklumat salah tentang hukuman mati yang disebar di media sedemikian.

²¹ Resolusi 48/134 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada 20 Disember 1993 atas prinsip-prinsip berkaitan dengan status institusi-institusi kebangsaan bagi penggalakan dan perlindungan hak-hak asasi manusia (Prinsip-prinsip Paris).

ADAKAH ANDA MENYOKONG HUKUMAN MATI BAGI PEMBUNUHAN?


YES
91%



MARI KITA LIHAT SECARA TELITI

KETIKA DIMINTA UNTUK MENYUSUN PELBAGAI POLISI UNTUK MENGATASI JENYAH-JENYAH GANAS YANG MENGAKIBATKAN KEMATIAN, RESPONDEN MELETAKKAN HUKUMAN MATI DI TEMPAT YANG TERAKHIR


POLISI YANG PALING EFEKTIF



Aktiviti-aktiviti peningkatan kesedaran awam yang lain juga boleh dipertimbangkan. Sebagai contohnya, *NHRIs* boleh menerbitkan dan berkomunikasi dengan pihak-pihak media suatu surat yang menyatakan hujahan yang memihak kepada pemansuhan, mengikut contoh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Sri Lanka (HRCSL). Hari Menentang Hukuman Mati Sedunia (pada 10 Oktober setiap tahun) adalah suatu tarikh yang sesuai untuk menjalankan tindakan sejenis ini²².

Menganjurkan acara-acara untuk menandakan Hari Menentang Hukuman Mati Sedunia atau pada ulang tahun penerimaan pakai undang-undang pemansuhan hukuman mati kebangsaan telah terbukti menjadi cara yang sangat baik untuk meneruskan sokongan advokasi pemansuhan. *NHRIs* boleh menganjurkan aktiviti-aktiviti pendidikan dan kebudayaan untuk meningkatkan kesedaran awam dan dapat menyokong NGOs yang memihak kepada pemansuhan hukuman mati untuk membuat pembentangan pendidikan di sekolah-sekolah, sebagai contohnya, untuk menjangkau kepada pendengar-pendengar yang lebih muda. Aktiviti-aktiviti ini berfungsi baik dengan penerbitan dan penyebaran alat-alat maklumat untuk menjangkau kepada pendengar-pendengar yang lebih luas. Akhirnya, peranan media tradisional juga sangat penting dan banyak *NHRIs* berusaha untuk berinteraksi dengan mereka, melalui penganjuran sidang-sidang media, menghantar siaran-siaran akhbar, menyertai temuduga atau debat-debat di radio atau televisyen.

²² Hari Menentang Hukuman Mati Sedunia, di <http://www.worldcoalition.org/worldday.html>



MEMBERI CADANGAN-CADANGAN KEPADA NEGARA ATAS KEPERLUAN BAGI REFORMASI PERUNDANGAN

Berdasarkan Prinsip-prinsip Paris, salah satu tugas utama yang diberikan kepada *NHRIs* adalah “[u]ntuk menyampaikan kepada Kerajaan, Parlimen dan mana-mana badan yang kompeten, atas dasar nasihat sama ada atas permintaan pihak-pihak berkuasa berkenaan atau melalui pelaksanaan kuasanya untuk mendengar sesuatu perkara tanpa rujukan, pendapat, cadangan, usul dan laporan daripada badan yang lebih berkuasa atas apa-apa perkara yang berkaitan dengan penggalakan dan perlindungan hak-hak asasi manusia”.

Lebih khusus lagi, Prinsip-prinsip Paris memberi *NHRIs* kecekapan untuk memantau undang-undang, membenarkan mereka mencadangkan penerimaan pakai undang-undang baru, pindaan undang-undang berkuatkuasa dan penerimaan pakai atau pindaan langkah-langkah pentadbiran.

Bagi menggalakkan pemansuhan hukuman mati, usul-usul perundangan digalakkan oleh *NHRIs* boleh melibatkan reformasi perlembagaan atau reformasi Kanun Jenayah atau Kanun Tatacara Jenayah. Dalam kes reformasi perlembagaan, ia perlu dilakukan melalui deraf pindaan perlembagaan, selaras dengan peruntukan-peruntukan yang berkuatkuasa di peringkat domestik. Sebagai contoh, hak-hak untuk nyawa dan larangan hukuman mati telah diabadikan oleh Côte d’Ivoire dalam Perlembagaannya yang baru pada 2016. Pindaan-pindaan perlembagaan pada amnya adalah dikawal ketat oleh peruntukan-peruntukan Perlembagaan tersendiri, di mana mengehendak tindakan-tindakan sedemikian. Bagaimanapun, pemansuhan hukuman mati melalui pindaan

kepada Perlembagaan memastikan langkah-langkah sedemikian akan mendapat pengiktirafan bersejarah, pendedahan dan status yang mencukupi untuk mengelakkan apa-apa pengembalian semula.

Sebagai kaedah umum, reformasi perlembagaan atau perundangan sedemikian sepatutnya membolehkan hukuman mati untuk dimansuhkan, apa-apa moratorium atas pelaksanaan hukuman mati untuk dirasmikan, bilangan jenayah-jenayah yang boleh dijatuhkan hukuman mati untuk dikurangkan atau suatu reformasi Kanun Tatacara Jenayah untuk dimulakan supaya menjamin penghormatan tentang hak-hak banduan-banduan hukuman mati. Dalam hal ini, *NHRIs* seharusnya bekerja rapat dengan pihak-pihak berkuasa berkenaan (Parlimen atau Kerajaan) yang mempunyai kuasa untuk mengambil inisiatif perundangan di bawah peruntukan-peruntukan domestik. Prinsip-prinsip Belgrade yang diterima pakai di Serbia pada tahun 2012, khususnya mentakrifkan hubungan antara *NHRIs* dan parlimen serta mengenal pasti bidang-bidang kooperasi²³.

²³ Prinsip-prinsip Belgrade mengenai hubungan antara NHRI dan parlimen, diterima pakai oleh Seminar Antarabangsa atas Hubungan antara NHRI dan parlimen, Belgrade (Serbia), 22-23 Februari 2012: <https://nhri.ohchr.org/EN/Themes/Portuguese/DocumentsPage/Belgrade%20Principles%20Final.pdf>



MENGALAK NEGARA UNTUK MEMENUHI KOMITMEN-KOMITMEN ANTARABANGSANYA

NHRIs juga mempunyai kuasa untuk menggalakkan dan memastikan harmonisasi undang-undang, peraturan-peraturan dan amalan-amalan negara dengan instrumen-instrumen hak-hak asasi manusia antarabangsa, untuk menggalakkan pengesahan instrumen-instrumen tersebut atau penyertaan kepada instrumen-instrumen sedemikian, dan untuk memastikan pelaksanaannya.

Dalam bidang perjuangan menentang hukuman mati, *NHRIs* yang berkaitan harus menggalakkan pengesahan OP2, Konvensyen Menentang Penyeksaan dan Layanan dan Hukuman Lain yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah PBB (CAT) dan protokol pilihannya (yang khususnya membantu penubuhan NPMs), instrumen-instrumen serantau dan undi-undi memihak kepada resolusi Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang menyeru untuk satu moratorium atas pelaksanaan hukuman mati²⁴. Oleh itu, *NHRIs* dalam Negara-negara pemansuh yang bukan parti OP2 harus menggalakkan negara-negara masing-masing untuk menyuarakan komitmen-komitmen domestik mereka di peringkat antarabangsa. Ini adalah terutamanya di Bhutan, Burundi, Cambodia, Congo, Côte d'Ivoire, Guinea, Kazakhstan, Mauritius dan Senegal. Begitu juga, *NHRIs* dalam negara yang merupakan pihak-pihak OP2 harus menggalakkan pihak-pihak berkuasa kebangsaan untuk menerima pakai undang-undang yang membawa kepada pemansuhan hukuman mati di seluruh wilayah kebangsaan, khususnya di Liberia dan Gambia.

²⁴ Rujuk Seksyen I Panduan ini.

NHRIs juga mempunyai tugas berkoperasi dengan sistem Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Dalam hal ini, mereka boleh menyumbang kepada laporan-laporan di mana Negara-negara dikehendaki menyerahkan kepada pelbagai perbadanan dan jawatankuasa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Semakan Berkala Sejagat (UPR) Malawi

Contohnya, dalam tempoh UPR Malawi, *NHRIs* Malawi, yang merupakan ahli-ahli pasukan petugas UPR kebangsaan, mengambil peluang dalam penyediaan laporan awal Malawi ke Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 2014 untuk membuat cadangan kepada pihak-pihak berkuasa untuk memansuhkan hukuman mati. Ia mengambil bahagian dalam mesyuarat persediaan dan penggubalan laporan-laporan kebangsaan serta secara konsisten menegaskan pendirian memihak kepada pemansuhan hukuman mati. Sesungguhnya, dalam rangka kerja UPR, setiap Anggota Negara Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu adalah dikehendaki membuat laporan mengenai situasi hak-hak asasi manusia dan kemudian kemukakan laporan tersebut di hadapan Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk pengajian semula oleh anggota-anggota negara.

NHRIs boleh mengambil peluang ini untuk menggariskan kepentingannya untuk memansuhkan hukuman mati, menyekat skopnya dan/atau memastikan pematuhan undang-undang domestik dengan komitmen antarabangsa Negara tersebut mengenai hukuman mati. Mereka juga boleh menghasilkan laporan-laporan selari dalam rangka kerja kajian semula ini dan/atau meluahkan pandangan mereka (bagi *NHRIs* yang mempunyai status 'A') semasa sesi pleno UPR atas negara berkenaan dan semasa penggunapakaian laporan muktamad. Selain itu, *NHRIs* mempunyai peranan yang penting untuk dimainkan di peringkat seterusnya, melalui penganjuran penerbitan dan susulan cadangan-cadangan, kerjasama dengan pertubuhan masyarakat sivil, dan pemantauan pelaksanaan di peringkat kebangsaan atas komitmen yang dibuat secara sukarela oleh Negara tersebut semasa kajian semula.

Terdapat peluang lain bagi *NHRIs* untuk menyampaikan mesej pemansuhan hukuman mati. *NHRIs* boleh, sebagai contoh,

menghantar senarai isu-isu kepada pelbagai jawatankuasa PBB atau mengadakan mesyuarat advokasi dengan prosedur istimewa (pelapor-pelapor khas dan kumpulan-kumpulan kerja). Seperti mana yang biasanya berlaku semasa UPR, *NHRIs* berstatus 'A' boleh membuat kenyataan lisan semasa sesi Majlis Hak Asasi Manusia di Geneva, di bawah semua perkara-perkara agenda, dan mengemukakan kenyataan bertulis kepada Majlis.

Sumber-sumber terpilih untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti


- “*Living conditions on death row. Factsheet on how to conduct a prison visit*”. Hari Menentang Hukuman Mati Sedunia Ke-16: http://www.worldcoalition.org/media/resourcecenter/EN_AccessPrisonsWD2018
- “*Living conditions on death row. Factsheet for media*” Lihat alat-alat ECPM dan Gabungan Sedunia menentang Hukuman Mati: http://www.worldcoalition.org/media/resourcecenter/FactsheetMediaWD2018_EN.pdf
- Mengenai pencegahan penyeksaan: “*Preventing Torture. An Operational Guide for National Human Rights Institutions*”, Forum Asia Pasifik, Persatuan Pencegahan Penyeksaan dan Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pesuruhjaya Tinggi untuk Hak Asasi Manusia: <https://www.ohchr.org/Documents/Publications/PreventingTorture.pdf> Panduan ini merangkumi satu bab mengenai pemantauan kemudahan penahanan.
- “Peraturan Minimum Standard bagi Layanan terhadap Tahanan (Peraturan Nelson Mandela)”, Ketetapan 70/175 diterima pakai oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Perhimpunan Agung pada 17 Disember 2015: https://www.unodc.org/documents/justice-and-prison-reform/GA-RESOLUTION/E_ebook.pdf
- “*Monitoring Places of Detention. A Practical Guide*”, *Association for the Prevention of Torture*: https://www.apt.ch/content/files_res/monitoring-guide-en.pdf

**FOKUS
PADA
PERANAN
NHRIs
DI AFRIKA
DAN ASIA**



AFRICA

TEMPOH MASA PEMANSUHAN 1981/2019



21 NEGARA-NEGARA PEMANSUH

21 NEGARA-NEGARA YANG ADA MORATORIUM

12 NEGARA-NEGARA YANG MENGEKALKAN HUKUMAN MATI

- | | |
|--------------------------|-------------------------|
| 1 Cabo Verde - 1981 | 12 Senegal - 2004 |
| 2 Mozambique - 1990 | 13 Rwanda - 2007 |
| 3 Namibia - 1990 | 14 Burundi - 2009 |
| 4 S.Tome & Princ. - 1990 | 15 Togo - 2009 |
| 5 Angola - 1992 | 16 Gabon - 2010 |
| 6 Guinea Bissau - 1993 | 17 Benin - 2012 |
| 7 Seychelles - 1993 | 18 Congo - 2015 |
| 8 Djibouti - 1995 | 19 Madagascar - 2015 |
| 9 Mauritius - 1995 | 20 Guinea - 2017 |
| 10 South Africa - 1997 | 21 Burkina Faso - 2018* |
| 11 Côte d'Ivoire - 2000 | |

* Negara-negara pemansuh untuk jenayah bias

Sesetengah *NHRIs* telah meletakkan tumpuan khusus atas isu pemansuhan, melaksanakan aktiviti-aktiviti yang dapat direplikasi oleh institusi lain. Sesetengah daripada mereka telah memberi maklum balas kepada soal selidik, menyediakan data dan contoh yang telah termasuk dalam kajian kes yang dibentangkan dalam Bahagian ini. Oleh itu, senarai *NHRIs* yang disebutkan adalah tidak lengkap, kajian kes tidak dibentangkan secara seragam dan mengandungi butiran di tahap yang berbeza-beza tergantung kepada respons yang kami terima.

DI AFRIKA

Status pemansuhan hukuman mati di Afrika

Di Afrika, kecenderungan ke arah pemansuhan seolah-olah tidak dapat dielakkan. Ia terus maju dan cenderung untuk dipercepatkan sejak tahun 2009. Sebagai bakal benua yang menyokong pemansuhan hukuman mati memandangkan perkembangan positif terkini, terutamanya pemansuhan baru-baru ini di Burkina Faso, Guinea, Benin, Madagascar dan Congo, Afrika kini telah mempunyai 42 negara-negara pemansuh di segi undang-undang ataupun dengan moratorium.

Di benua ini, *NHRIs* mempunyai peranan yang penting untuk dimainkan dengan menggalakkan dan menyokong pergerakan ini. Sebagai contoh, dalam DRC, CNDH-RDC telah mengemukakan pendapat kepada Kerajaan yang mana Kerajaan telah merasmikan pendiriannya memihak kepada pemansuhan. Di peringkat benua, dinamik ini akan diperkukuhkan lagi dengan penerimaan pakai Protokol Piagam Afrika mengenai Hak-hak Asasi Manusia dan Rakyat atas pemansuhan hukuman mati²⁵.

²⁵ Perbincangan kini sedang dijalankan di Kesatuan Afrika mengenai penggubalan dan penerimaan pakai satu protokol kepada Piagam Afrika mengenai Hak-hak Asasi Manusia dan Rakyat atas pemansuhan hukuman mati. Seperti protokol Eropah dan Amerika, protokol ini mengesahkan kecenderungan ke arah penerimaan pakai instrumen-instrumen benua yang membolehkan spesifikasi serantau untuk disepadukan dengan instrumen-instrumen hak-hak asasi manusia seluruh benua. Penerimaannya akan membolehkan benua Afrika mengguna instrumen-instrumen tertentu, melengkapkan instrumen-instrumen sejagat (OP2) dan dengan keperluan kesahan bagi pengesahannya oleh benua secara keseluruhan.

Status NHRIs Afrika dalam Pakatan Global (Oktober 2019)

A = Patuhi sepenuhnya dengan Prinsip-Prinsip Paris – Ahli Pengundi
B = Patuhi separa – Ahli Pemerhati
C = Tidak mematuhi – Bukan Ahli

Algeria	Majlis Hak Asasi Manusia Negara	B
Benin	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Benin	C
Burundi	Suruhanjaya Bebas Negara atas Hak Asasi Manusia	B
Cameroon	Suruhanjaya Negara atas Hak Asasi Manusia dan Kebebasan	A
Chad	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Negara	B
Congo	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Negara	B
Côte d'Ivoire	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Negara	B
DRC	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Negara	A
Egypt	Majlis Hak Asasi Manusia Negara	A
Ethiopia	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Ethiopia	B
Ghana	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia dan Keadilan Pentadbiran	A
Kenya	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Negara di Kenya	A
Liberia	Suruhanjaya Bebas Negara atas Hak Asasi Manusia	A
Libya	Majlis Negara bagi Kebebasan Awam dan Hak Asasi Manusia	B
Madagascar	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Negara di Madagascar	C
Malawi	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malawi	A
Mali	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Negara di Mali	B
Mauritius	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Negara	A
Morocco	Majlis Hak Asasi Manusia Negara	A
Namibia	Pejabat Pegawai Yang Menyiasat Aduan Daripada Orang Ramai Berkenaan Jentera Kerajaan ('Ombudsman')	A
Niger	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Negara	A

Nigeria	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Negara di Nigeria	A
Rwanda	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Negara di Rwanda	A
Senegal	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Negara di Rwanda	A
Sierra Leone	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Sierra Leone	A
South Africa	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Afrika Selatan	A
Tanzania	Commission des droits de l'homme de Sierra Leone	A
Tanzanie	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia dan Tadbir Urus yang Baik	A
Togo	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Negara	A
Tunisia	Jawatankuasa Tinggi Hak Asasi Manusia dan Kebebasan Asasi	B
Uganda	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Uganda	A
Zambia	Majlis Hak Asasi Manusia	A
Zimbabwe	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Zimbabwe	A

CAMEROON

National Commission on Human Rights and Freedoms (NCHRF)

Tarikh penubuhan: 2004

Konteks

- Moratorium yang wujud (*'De facto moratorium'*) atas pelaksanaan hukuman mati sejak tahun 1997
- Perjanjian yang telah diratifikasikan: ICCPR, CAT
- Undian pada Resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 2018 yang menyeru suatu moratorium sejagat atas penggunaan hukuman mati: **berkecuali**
- Bilangan banduan-banduan hukuman mati setakat akhir tahun 2018: **330**
- Bilangan hukuman mati yang dicatatkan pada tahun 2018: **melebihi 4**

Walaupun Cameroon telah mengguna moratorium sejak tahun 1997, beberapa perkembangan tentang kebimbangan khusus telah diperhatikan. Tambahan kepada hukuman mati yang diisukan oleh mahkamah Cameroon yang kompeten, hukuman mati juga diisukan oleh sistem keadilan tradisional yang tidak dikawal di bawah undang-undang kebangsaan. Malahan, keadaan penahanan banduan-banduan hukuman mati adalah secara khususnya susah. Kebimbangan ini adalah teras kerja yang dijalankan oleh NCHRF di kawasan perjuangan menentang hukuman mati.

Tindakan-tindakan yang dilaporkan:

- **Penyediaan laporan-laporan tahunan mengenai penghormatan hak-hak asasi manusia di negara tersebut:** dalam laporan-laporan 2015 dan 2016 mengenai Kedaulatan Undang-undang (*Rule of Law*) di Cameroon, sebagai contoh, NCHRF melaporkan hukuman-hukuman mati berkaitan dengan hukuman-hukuman adat²⁶.
- **Penghantaran maklumat kepada pihak-pihak berkuasa mengenai amalan-amalan bertentangan dengan hak-hak asasi manusia,** termasuk yang berkaitan dengan keadilan komuniti yang mana di luar kawalan negara.

- Penggunaan strategi yang menyasarkan pihak-pihak institusi biasa (Wakil-wakil negara, ahli-ahli Kerajaan dan Parlimen) dan pihak-pihak adat (pemimpin-pemimpin tradisional) untuk mengakhiri amalan-amalan hukuman adat.
- Penubuhan kumpulan-kumpulan kerja dan menjalankan kajian untuk mendapatkan pemahaman yang lebih baik mengenai keadilan tradisional di Cameroon.
- Lawatan ke pusat-pusat tahanan, khususnya banduan-banduan hukuman mati. Semasa lawatan ke penjara-penjara Yoko pada tahun 2016, NCHRF memerhatikan bahawa Noah Atangana, juga dikenali sebagai "Longuè Longuè", yang dihukum mati, telah dirantaikan kaki dan tangannya dan bersendirian di dalam sel. NCHRF memaklumkan kepada pihak-pihak berkuasa mengenai keadaan ini dan langkah-langkah telah diambil untuk memperbaiki keadaan penahanannya dan memberikan dia rawatan perubatan dan psikologi. Lawatan lanjut telah dijalankan pada 31 Januari 2018, yang mana Noah Atangana dirinya menunjukkan bahawa dia mendapat manfaat daripada rawatan perubatan.
- **Dokumentasi pelanggaran hak-hak asasi manusia di tempat kekurangan kebebasan dan memberi amaran kepada pihak-pihak berkuasa yang berkenaan mengenai kesegeraan keadaan.**
- **Mengendalikan pemantauan di pusat-pusat penahanan yang dilawati.**
- **Pengeluaran panduan-panduan dan bahan-bahan pendidikan mengenai isu hak-hak asasi manusia yang boleh diakses oleh semua orang.** NCHRF, dalam perkongsian dengan Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) dan berkerjasama dengan Menteri Pendidikan telah membangunkan program pendidikan hak-hak asasi manusia untuk peringkat sekolah rendah dan menengah, yang mana merangkumi khususnya perlindungan hak-hak hidup dan integriti fizikal dan psikologi. Oleh demikian, NCHRF membuat kit pendidikan dan panduan mengenai hak-hak asasi manusia di Cameroon yang tersedia kepada guru-guru.

26 Laporan-laporan boleh didapati di <http://www.cndhl.cm/?q=en/documentation/rapports-edh>

REPUBLIK DEMOKRATIK CONGO

(*Commission nationale des droits de l'homme de RDC*
[CNDH-RDC])

Tarikh penubuhan: 2013

Konteks

- Moratorium yang wujud (*'De facto moratorium'*) atas pelaksanaan hukuman mati sejak tahun 2003
- Perjanjian yang telah diratifikasikan : ICCPR, CAT
- Undian pada Resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 2018 yang menyeru suatu moratorium secepat atas penggunaan hukuman mati: **berkecuali**
- Bilangan banduan-banduan hukuman mati setakat akhir tahun 2018: **350 hingga 500**
- Bilangan hukuman mati yang dicatatkan pada tahun 2018: **41**

Walaupun negara ini telah mengamalkan moratorium atas pelaksanaan hukuman mati, sistem keadilan Kongo terus mengeluarkan hukuman mati dan sokongan untuk penggunaan hukuman mati muncul secara berkala dalam perbahasan umum, khususnya sebagai tindak balas kepada keganasan yang berlaku di bahagian timur negara ini. Ia juga amat sukar untuk mendapatkan maklumat yang boleh dipercayai mengenai bilangan tahanan-tahanan di DRC dan keadaan hidup mereka.

Tindakan-tindakan yang dilaporkan:

- **Penyoalan langsung kepada Kerajaan dan mengemukakan pendapat-pendapat dan cadangan-cadangan mengenai keadaan hukuman mati dalam negara.** CNDH-RDC mempersoalkan Kerajaan mengenai keadaan berhubungan dengan moratorium atas penggunaan hukuman mati di DRC, dengan mengemukakan pendapat dan cadangan-cadangan mengenai isu itu pada September 2017. Dokumen ini merupakan kenyataan pendirian rasmi pertama oleh CNDH-RDC yang memihak kepada pemansuhan hukuman mati. Dalamnya, CNDH-RDC menggariskan bahawa, "*Hak untuk hidup ialah hak-hak yang paling tinggi yang mana tiada penafian akan diizinkan, walaupun dalam kes kecemasan awam,*" dan bahawa hak-hak tersebut dijamin oleh Perkara 61 dalam Perlembagaan pada 18 Februari 2006. CNDH-RDC juga merujuk kepada komitmen antarabangsa negara tersebut, khususnya ICCPR

(Artikel 6) dan Piagam Afrika mengenai Hak Asasi Manusia dan Rakyat (Artikel 4).

- **Menggalakkan harmonisasi undang-undang, peraturan-peraturan dan amalan-amalan berkuatkuasa di peringkat negara dengan instrumen-instrumen hak-hak asasi manusia antarabangsa yang mana negara tersebut merupakan ahli-ahli.**
- **Merangka hujahan undang-undang berdasarkan kedua-dua undang-undang antarabangsa dan domestik untuk menyeru negara supaya memberi komitmen kepada proses yang membawa kepada pemansuhan dan menyertai proses UPR.** Dalam laporannya kepada Majlis Hak Asasi Manusia dalam rangka kerja UPR²⁷, CNDH-RDC menunjukkan bahawa Artikel 16 dan 61 daripada Perlembagaan Kongo pada Februari 2006 menyediakan dasar untuk memansuhkan hukuman mati dan membawakan negara Congolese komited kepada suatu proses yang mana sepatutnya membawa kepada pemansuhan. CNDH-RDC juga menyeru Kerajaan untuk mengundi dalam sokongan Resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atas moratorium secepat mengenai penggunaan hukuman mati.

²⁷ Tersedia (dalam bahasa Perancis) di https://www.upr-info.org/sites/default/files/document/congo_democratic_republic/session_33_-_may_2019/cndh-rdc_upr33_cod_f_main.pdf

LIBERIA

Independent National Commission on Human Rights of Liberia (INCHR)

Tarikh penubuhan: 2005

Konteks

- **Moratorium yang wujud ('De facto moratorium') atas pelaksanaan hukuman mati sejak tahun 2005**
- Perjanjian yang telah diratifikasikan: **ICCPR, CAT, OP2**
- Undian pada Resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 2018 yang menyeru suatu moratorium secepat atasan penggunaan hukuman mati: **berkecuali**
- Bilangan banduan-banduan hukuman mati setakat akhir tahun 2018: **tidak diketahui**
- Bilangan hukuman mati yang dicatatkan pada tahun 2018: **0**

Konteks di Liberia adalah khusus: Kanun Jenayah Liberia masih membenarkan hukuman mati²⁸, walaupun negara ini menyertai OP2 pada bulan September 2005. Kewujudan berterusan peruntukan-peruntukan tersebut yang bertentangan dengan komitmen antarabangsa Liberia telah ditegaskan secara sistematik oleh INCHR yang mana sejak penciptaannya telah menggalakkan pandangan bahawa hukuman mati seumpama dengan hukuman yang zalim, tidak berperikemanusiaan dan menjatuhkan maruah, tidak serasi dengan nilai-nilai masyarakat beradab, dan mesti dimansuhkan segera.

Tindakan-tindakan yang dilaporkan:

- **Pembentukan lawatan-lawatan belajar** ke Geneva, Kenya, Sierra Leone dan Morocco untuk lebih memahami bagaimana institusi-institusi yang lebih tua yang diiktiraf memupuk advokasi orang ramai yang berkesan untuk memihak kepada hak-hak asasi manusia di negara mereka.
- **Penyediaan dan penerbitan laporan-laporan.** Pada bulan April 2017, INCHR menerbitkan laporan-laporan mengenai keadaan penjara-penjara di Liberia dan telah membuat beberapa cadangan-cadangan bagi mengurangkan kesesakan. Berdasarkan cadangan-cadangan yang terkandung dalam laporan-laporan berkaitan dengan subjek ini, badan kehakiman

telah menubuhkan sebuah jawatankuasa yang terdiri daripada peguam-peguam yang boleh merujuk kes-kes ke mahkamah dan bekerjasama dengan INCHR untuk memperbaiki keadaan penjara-penjara-penjara-penjara di seluruh Liberia.

- **Kerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan masyarakat sivil.** Berdasarkan memorandum persefahaman yang ditandatangani oleh INCHR dan pertubuhan-pertubuhan masyarakat sivil, INCHR mengadakan satu mesyuarat bulanan dengan kumpulan yang bertanggungjawab atas perlindungan hak-hak asasi manusia.
- **Mesyuarat-mesyuarat tetap dengan pihak-pihak berkuasa politik negara.** INCHR menimbulkan isu hukuman mati dalam mesyuarat-mesyuarat tersebut. Usaha ini menyumbang kepada "pengekalan tekanan" kepada ahli-ahli Kerajaan dan Parlimen. INCHR juga menarik perhatian Kerajaan kepada fakta mengenai penerimaan pakai undang-undang atas rompak bersenjata (2008), yang termasuk peruntukan-peruntukan mengenai penggunaan hukuman mati adalah bertentangan dengan komitmen-komitmen antarabangsa Liberia.
- **Pengajaran latihan hak-hak asasi manusia.** Dalam rangka kerja ini, INCHR meningkatkan kesedaran agensi-agensi yang bertanggungjawab atas penguatkuasaan undang-undang, termasuk Polis Kebangsaan Liberia, atas kepentingan menghormati hak-hak asasi manusia.
- **Menjalinkan hubungan.** INCHR bekerjasama dengan GANHRI dan NANHRI, mengemukakan laporan-laporan berkaitan dengan subjek kepada mereka atas permintaan mereka, sebagai contoh. INCHR juga mengambil bahagian dalam forum-forum hak-hak asasi manusia serantau dan antarabangsa, serta menghadiri, terutamanya, Kongres Sedunia ke-7 menentang Hukuman Mati.

28 Artikel-artikel 50.2 dan 51.3 Kanun Jenayah Liberia.

MALAWI

Malawi Human Rights Commission (MHRC)

Tarikh penubuhan: 1994 (beroperasi sejak tahun 1999)

Konteks

- Moratorium yang wujud (*De facto moratorium*) atas pelaksanaan hukuman mati sejak tahun 1992
- Perjanjian yang telah diratifikasikan: ICCPR, CAT
- Undian pada Resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 2018 yang menyeru suatu moratorium sejagat atas penggunaan hukuman mati: **Bersetuju**
- Bilangan banduan-banduan hukuman mati setakat akhir tahun 2018: **15**
- Bilangan hukuman mati yang dicatatkan pada tahun 2018: **0**

MHRC telah mengambil bahagian dalam beberapa inisiatif yang berkaitan dengan pemansuhan hukuman mati, khususnya projek Kafantayeni mengenai penentuan semula hukuman-hukuman. Ia dinamakan untuk mengingati Francis Kafantayeni yang telah dibicarakan di dalam mahkamah pada tahun 2002 kerana didakwa mengikat dan membunuh anak tirinya yang berumur dua tahun. Encik Kafantayeni mengakui bahawa dia membunuh anak tirinya, tetapi, dalam pembelaannya, dia telah hilang kawalan selepas merokok rami India (*chamba*). Dia telah disabitkan dan dijatuhkan hukuman mati. Pada bulan September 2005, banduan yang disabitkan kesalahan itu memulakan tindakan mahkamah untuk mendapatkan pengisytiharan bahawa hukuman mati mandatori adalah tidak berperlembagaan. Pengajaran yang dipelajari oleh MHRC daripada projek ini dinyatakan dalam pembentangan yang disediakan oleh Justin G. K. Dzonzi²⁹, Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malawi, pada Kongres Sedunia ke-6 menentang Hukuman Mati pada tahun 2016.

Tindakan-tindakan yang dilaporkan::

- **Penyertaan dalam proses UPR.** MHRC membuat cadangan kepada pihak-pihak berkuasa Kerajaan mengenai pemansuhan hukuman mati semasa penggubalan laporan-laporan kebangsaan untuk dikemukakan kepada Majlis Hak Asasi

²⁹ Pembentangan boleh didapati di http://congres.abolition.fr/wp-content/uploads/2016/06/NHRIPresentation-J-Dzonzi_-Malawi-Human-Rights-Commission_230616.pdf

Manusia Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam rangka kerja proses UPR.

- **Latihan dan tindakan-tindakan peningkatan kesedaran** untuk memanfaatkan pelbagai pihak (badan-badan kehakiman, peguam-peguam, NGOs, kementerian-kementerian) untuk memperluaskan asas sokongan bagi pemansuhan sebanyak mungkin.
- **Penyertaan sebagai “rakan mahkamah” (*amicus curiae*) dalam suatu permohonan mencabar keesahan berdasarkan perlembagaan bagi penggunaan mandatori hukuman mati dalam kes Kafantayeni dan lain-lain terhadap Peguam Negara Malawi.** Dalam proses projek ini, 154 kes yang merupakan subjek pendengaran semula mahkamah yang mana 112 orang yang dijatuhkan hukuman mati telah dibebaskan, mahkamah memutuskan bahawa mereka telah salah disabitkan ataupun mereka telah menerima hukuman yang sepatutnya. Hukuman untuk 41 banduan-banduan yang lain telah disemak semula. MHRC bekerjasama dengan peguam-peguam yang tidak menerima pembayaran (*pro bono*) bagi setiap kes individu. Mereka yang dijatuhkan hukuman mati terdahulu juga mempunyai akses kepada latihan untuk menyokong integrasi semula mereka ke dalam komuniti-komuniti mereka³⁰. Pada tahun 2017, suatu tinjauan antara pemimpin-pemimpin masyarakat yang terlibat dalam projek itu menunjukkan bahawa 94% pemimpin-pemimpin tradisional menentang gagasan hukuman mati³¹.

³⁰ Pemilihan jurisprudens daripada projek Kafantayeni boleh didapati di alamat sesawang berikut: <https://www.deathpenaltyworldwide.org/wp-content/uploads/2019/12/Malawi-Jurisprudence-Compendium-2017.pdf> Untuk maklumat lebih lanjut tentang projek Kafantayeni di akhbar, lihat, “Projek Kafantayeni membebaskan 112 tahanan banduan”, *The Nation*, 27 Julai 2017, <https://mwnation.com/kafantayeni-project-frees-112-murder-convicts/> dan “130 tahanan menuju ke kebebasan dari hukuman mati dalam projek Kafantayeni”, *Nyasa Times*, 27 Julai 2017, <https://www.nyasatimes.com/130-prisoners-walk-freedom-death-row-kafantayeni-project/>

³¹ Lihat hasil siasatan di <https://reprieve.org.uk/wp-content/uploads/2018/04/Malawian-Traditional-Leaders-Perspectives-on-Capital-Punishment.pdf>

MOROCCO

(*Conseil national des droits de l'homme du Royaume du Maroc* [CNDH])

Tarikh Penubuhan: 2011

Konteks

- Moratorium yang wujud (*'De facto moratorium'*) atas pelaksanaan hukuman mati sejak tahun 1993
- Perjanjian yang telah diratifikasikan: ICCPR, CAT
- Undian pada Resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 2018 yang menyeru suatu moratorium secepat atas penggunaan hukuman mati: **berkecuali**
- Bilangan banduan-banduan hukuman mati setakat akhir tahun 2018: **9132**
- Bilangan hukuman mati yang dicatatkan pada tahun 2018: **10**

CNDH adalah salah satu *NHRIs* yang paling aktif dan dinamik di benua Afrika. Dalam rangka kerja hubungan luarnya, ia telah membina banyak hubungan dengan *NHRIs* lain di rantau ini, khususnya melalui misi-misi belajar dan pertukaran amalan-amalan terbaik. Ia mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan ahli-ahli Kerajaan dan Parlimen dan memastikan kerjasama dengan orang-orang Morocco, pertubuhan-pertubuhan masyarakat sivil serantau dan antarabangsa, termasuk mereka yang berkempen untuk pemansuhan hukuman mati. Tambahan pula, ia secara aktif mengambil bahagian dalam agensi-agensi hak-hak asasi manusia serantau dan antarabangsa.

Tindakan-tindakan yang dilaporkan:

- **Hubungan dan mesyuarat-mesyuarat dengan pihak-pihak berkuasa, khususnya dengan Parlimen dalam rangka kerja Prinsip-Prinsip Belgrade, dan menubuhkan sebuah jawatankuasa campuran yang bertanggungjawab atas organisasi tersebut dan susulan mesyuarat-mesyuarat sedemikian.** CNDH membentangkan laporan-laporan tahunannya kepada kedua-dua dewan Parlimen, menegaskan bahawa pendirian mereka yang memihak kepada pemansuhan hukuman mati. Di samping itu, CNDH kerap menghantar memorandum kepada Ketua Kerajaan dengan pandangan untuk melibatkan isu-isu keutamaan hak-hak asasi manusia tertentu dalam program kerajaan yang akan dibentangkan

kepada Parlimen. Antara isu-isu tersebut merangkumi pengundian yang memihak kepada draf resolusi Perhimpunan Agung PBB yang akan datang mengenai moratorium atas penggunaan hukuman mati dan penyertaan kepada OP2.

- **Menjalankan kajian-kajian tentang keadaan penahanan.** Pada Hari Menentang Hukuman Mati Sedunia, 10 Oktober 2016, CNDH telah melancarkan kajian empirikal mengenai keadaan penahanan banduan-banduan hukuman mati berdasarkan lawatan-lawatan dan temu bual-temu bual individu secara sulit. Hasil kajian ini mendedahkan kelemahan banduan-banduan yang menghadapi hukuman mati dan akan dijadikan subjek laporan-laporan berkaitan dengan subjek dengan pemerhatian-pemerhatian dan cadangan-cadangan daripada CNDH. Di samping itu, pada tahun 2012 CNDH menerbitkan sebuah laporan berkaitan dengan subjek bertajuk, "*La crise des prisons, une responsabilité partagée: cent recommandations pour la protection des droits des détenu(e)s*"["Krisis penjara-penjara, tanggungjawab bersama: seratus cadangan-cadangan untuk perlindungan hak-hak tahanan", yang mana CNDH membuat cadangan-cadangan mengenai banduan-banduan hukuman mati. Ia juga menjalankan kajian-kajian tentang keadaan penahanan banduan-banduan wanita dan warga-warga asing dan juga tindak balas yang sewajarnya apabila tahanan-tahanan melancarkan mogok lapar.
- **Memaklumkan pihak-pihak berkuasa awam** yang menjaga pentadbiran penjara-penjara mengenai peraturan-peraturan antarabangsa yang mengawal keadaan penahanan (Peraturan Nelson Mandela) dan pada keadaan yang mungkin membentuk layanan yang zalim, tidak berperikemanusiaan atau menjatuhkan maruah di pusat-pusat tahanan.
- **Menjalankan kajian-kajian dan tinjauan-tinjauan tentang hukuman mati dan persepsi-persepsi orang ramai.** Satu tinjauan yang dijalankan oleh CNDH menunjukkan perubahan dalam masyarakat Morocco mengenai isu hukuman mati memandangkan kira-kira 50% daripada 3,685 isi rumah yang ditemu bual menyatakan bahawa mereka menyokong pemansuhan.

³² Untuk menandakan dua puluh tahun pemerintahannya, pada bulan Julai 2019, Raja Mohammed VI memberikan pengampunan diraja kepada 4,764 orang. Antara mereka termasuk 31 banduan hukuman mati. Pada akhir musim panas 2019, terdapat 63 orang, termasuk seorang wanita, yang dihukum mati di Morocco.

- Penubuhan bengkel-bengkel, persidangan-persidangan dan acara-acara peningkatan kesedaran dengan masyarakat sivil. Sebagai contoh, CNDH telah menganjurkan, pada bulan Oktober 2008, dengan kerjasama ECPM, sebuah seminar mengenai hukuman mati, yang mana prosidingnya diterbitkan dalam bahasa Arab dan Paris.
- Sumbangan kepada pertubuhan *Regional Congress against the Death Penalty* yang pertama (Rabat, Morocco), penyertaan dan kenyataan lisan di *Regional and World Congresses against the Death Penalty*.

NIGER

(*Commission nationale des droits humains [CNDH]*)

Tarikh penubuhan: 2012

Konteks

- Moratorium yang wujud (*'De facto moratorium'*) atas pelaksanaan hukuman mati sejak tahun 1976
- Perjanjian yang telah diratifikasikan: CCPR, CAT
- Undian pada Resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 2018 yang menyeru suatu moratorium sejagat atas penggunaan hukuman mati: **setuju**
- Bilangan banduan-banduan hukuman mati setakat akhir tahun 2018: **tidak diketahui**
- Bilangan hukuman mati yang dicatatkan pada tahun 2018: **0**

Niger telah menggunakan moratorium lebih daripada empat puluh tahun dan, walaupun menunjukkan kesanggupan di peringkat antarabangsa dan menunjukkan usaha ke arah pemansuhan (contohnya, pembangunan peta jalan untuk menyertai OP2), Kerajaan masih gagal untuk membenarkan pemansuhan di peringkat kebangsaan. Adat resam, yang kewujudannya amat kukuh di Niger, boleh menjelaskan sifat perlahan proses pemansuhan. Di kawasan pedalaman di bahagian timur negara ini, Kerajaan hampir tidak wujud berkaitan dengan populasi pastoral, yang mana komuniti tersebut dikawal oleh peraturan-peraturan tersendiri (contohnya, masyarakat Toubou dan Buduma). Identiti puak adalah sangat penting kepada mereka dan "*undang-undang mata untuk mata masih diamalkan dalam kawasan ini*"³³. Namun, dalam masyarakat tertentu, balas dendam bukanlah peraturannya. Di kawasan Zarma, pengampunan adalah biasa, dan populasi tersebut menyerahkan kepada Tuhan untuk mengadili penjenayah dan berpotensi untuk membalas dendam demi mangsa.

Tindakan-tindakan yang dilaporkan:

- Peringatan Hari menentang Hukuman Mati Sedunia pada setiap 10 Oktober dengan menganjurkan demonstrasi-demonstrasi awam melalui kerjasama dengan masyarakat sivil, rakan-rakan kongsi misi-misi diplomatik (Paris, EU) dan universiti-universiti.

³³ Menurut penjelasan yang diberikan oleh Moustapha Kadi Oumani, Presiden *Collectif des associations pour la défense du droit à l'énergie* (CODDAE).

Pada tahun 2018, CNDH telah menganjurkan dan menaja dua demonstrasi untuk menandakan Hari Sedunia: satu mesyuarat dengan kelab pelajar-pelajar undang-undang dari Universiti Abdou-Moumouni di dalam amfiteater yang bermuat seribu tempat duduk dan persidangan di premis Suruhanjaya dengan tema: “*Maruah untuk semua: keadaan hidup banduan-banduan hukuman mati*”, dengan kerjasama masyarakat sivil dan organisasi pergerakan pemansuhan.

- **Kerjasama dengan pihak-pihak berkuasa agama dan adat untuk meningkatkan kesedaran mengenai pemansuhan hukuman mati.** Pemimpin tradisional dan agama adalah pihak utama dan bertindak sebagai penyampai penting dalam usaha peningkatan kesedaran orang ramai oleh pertubuhan masyarakat sivil dan CNDH.
- **Kerjasama dan pertukaran amalan-amalan baik dengan NHRIs di serantau.** Contohnya, pada Mei 2017, satu lawatan delegasi daripada Majlis Hak Asasi Manusia Negara di Morocco telah dijalankan. Ia membolehkan sesi kerja bersama untuk diadakan dengan pegawai-pegawai daripada Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia Negara di Niger.
- **Penyertaan dalam Kongres-kongres Sedunia menentang Hukuman Mati (pada tahun 2016 dan 2019).**

NIGERIA

National Human Rights Commission of Nigeria (NHRCN)

Tarikh Penubuhan: 1995

Konteks

- **Negara-negara yang mengekalkan hukuman mati (“Retentionist”)**
- Perjanjian yang telah diratifikasikan: **ICCPR, CAT**
- Undian pada Resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 2018 yang menyeru suatu moratorium sejagat atas penggunaan hukuman mati: **berkecuali**
- Bilangan banduan-banduan hukuman mati setakat akhir tahun 2018: **melebihi 2,200**
- Bilangan yang dicatakan pada tahun 2018: **lebih daripada 46**
- Bilangan hukuman mati yang dicatatkan pada tahun 2018: **0**

Konteks di Nigeria adalah terutamanya membimbangkan. Negara ini telah menjatuhkan hukuman mati atas 621 orang pada tahun 2017 dan terdapat lebih daripada 2,200 orang yang dihukum mati. Pada tahun 2017 sahaja, Nigeria telah mengeluarkan dua kali ganda bilangan hukuman mati berbanding dengan semua bilangan negara lain di Sub-Sahara Afrika digabungkan. Tambahan pula, walaupun pengurangan yang ketara dalam bilangan hukuman mati pada tahun 2018 boleh diperhatikan, sesetengah negeri Nigeria telah mengambil langkah-langkah perundangan untuk memperluaskan skop hukuman mati³⁴.

Tindakan-tindakan yang dilaporkan:

- **Advokasi dengan pihak-pihak berkuasa negara.** NHRCN menyeru supaya skop permohonan hukuman mati di Nigeria dihadkan, selaras dengan komitmen-komitmen antarabangsa negara, dan menyokong khususnya supaya ia terhad kepada “jenayah-jenayah yang paling serius”, mengikut Artikel 6 ICCPR.
- **Mempromosikan penghormatan terhadap komitmen antarabangsa negara atas jaminan-jaminan prosedur dan hak-hak untuk percabaran yang adil,** seperti yang dinyatakan dalam Artikel 6 dan Artikel 14 ICCPR. Semasa tempoh berkenaan, NHRCN menyeru pemerintah negara Edo, di

³⁴ Amnesty Antarabangsa, Hukuman mati pada tahun 2018: Fakta dan angka, boleh didapati di <https://www.amnesty.org/en/latest/news/2019/04/death-penalty-facts-and-figures-2018/>

selatan Nigeria, supaya tidak melaksanakan empat hukuman mati. Ia mengemukakan kenyataan menentang pelaksanaan hukuman mati yang diperintahkan secara terburu-buru oleh pemerintah apabila permohonan banduan-banduan dihukum mati untuk penggantungan sementara pelaksanaan masih menunggu keputusan di hadapan Mahkamah Tinggi Persekutuan³⁵.

- **Kerjasama dengan wakil-wakil masyarakat sivil kebangsaan dan antarabangsa, dalam konteks pelbagai pemegang-pemegang kepentingan ('multi-stakeholder') projek bertujuan untuk menyediakan bantuan guaman kepada mereka yang dituduh dengan kesalahan yang membawa hukuman mati.** NHRCN bekerjasama khususnya dengan *Avocats sans frontières* Paris (ASF) atas Projek Selamatkan Nyawa (Projek SALI)³⁶. Kerjasama ini adalah digalakkan dan dimungkinkan oleh pejabat ASF di Nigeria yang berusaha melibatkan NHRCN untuk memujuknya menyokong pemansuhan. Projek ini dilaksanakan selama tempoh 3 tahun dan menyediakan bantuan guaman percuma di tujuh negeri Nigeria dan membolehkan pembebasan 35 individu-individu yang dituduh dengan kesalahan yang membawa hukuman mati dan 7 pengampunan yang akan dikeluarkan oleh pemerintah-pemerintah negeri³⁷. NHRCN memainkan peranan utama dalam projek ini melalui pengetahuan yang kukuh tentang pihak-pihak tempatan, yang mana memudahkan kerja pasukan bantuan guaman di dalam padang. NHRCN menerima projek itu dan bertindak sebagai penyampai antara pasukan-pasukan projek, pihak-pihak berkuasa dan penduduk-penduduk. Itu menyumbang khususnya kepada penerimaan projek yang lebih baik oleh pihak-pihak berkuasa tempatan. Secara keseluruhannya, projek itu menyumbang kepada penjaan perbincangan mengenai hukuman mati di Nigeria dan membawa kepada keputusan konkrit di negara tersebut.

35 Lihat: <https://allafrica.com/stories/201403190544.html>

36 Projek SALI telah dilaksanakan dari 17 Januari 2011 hingga 16 Julai 2014 oleh ASF France, berpejabat di Nigeria, dengan kerjasama NHRCN, Majlis Peguam Nigeria dan NGO *Akses kepada Keadilan*. Ia bertujuan untuk mengukuhkan moratorium hukuman mati dan untuk menyumbang kepada pembangunan jurisprudens baru mengenai hak-hak manusia yang menghadapi hukuman mati, berdasarkan piawaian-piawaian antarabangsa. Untuk maklumat lanjut, lihat laman web ASF Perancis: <http://avocatssansfrontieres-france.org/web/en/142-nigeria-fightagainst-kematian-penalty.php>

37 Data daripada Prosiding Kongres Sedunia ke-6 menentang Hukuman Mati, 2016: <http://www.ecpm.org/wp-content/uploads/actes-Oslo-GB-220217b.pdf>


Status pemansuhan di Asia

Asia masih merupakan benua di mana pelaksanaan hukuman mati adalah tertinggi di seluruh dunia. Lima negara-negara yang melaksanakan hukuman mati yang terbanyak ialah China, Iran, Saudi Arabia, Vietnam dan Iraq. Adalah dijangkakan bahawa China melaksanakan lebih banyak hukuman mati berbanding dengan kesemua negara-negara di dunia yang lain.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa negara-negara di Asia yang telah memansuhkan hukuman mati. Jumlah Negara-Negara Pemansuh yang terbanyak adalah di Asia Tengah. Azerbaijan, Kyrgyzstan, Uzbekistan, Turkmenistan dan Mongolia telah memansuhkan hukuman mati dan meratifikasikan OP2, yang mengikat mereka kepada keputusan mereka secara pasti.

ASIA

TEMPOH MASA PEMANSUHAN 1954/2019



- 15** NEGARA-NEGARA PEMANSUH
- 7** NEGARA-NEGARA YANG ADA MORATORIUM
- 26** NEGARA-NEGARA YANG MENGEKALKAN HUKUMAN MATI

- 1** Israel - 1954*
- 2** Cambodia - 1989
- 3** Georgia - 1997
- 4** Nepal - 1997
- 5** Azerbaijan - 1998
- 6** Timor-Leste - 1999
- 7** Turkmenistan - 1999
- 8** Armenia - 2004
- 9** Bhutan - 2004
- 10** Turkey - 2004
- 11** Philippines - 2006
- 12** Kyrgyzstan - 2007
- 13** Kazakhstan - 2007*
- 14** Uzbekistan - 2008
- 15** Mongolia - 2017

* Negara-negara pemansuh untuk jenayah biasa

Status NHRIs Asia di Pakatan Global (Oktober 2019)

A = pematuhan sepenuhnya kepada Prinsip-prinsip Paris – Ahli mengundi (Voting member)
 B = pematuhan separa – Ahli Pemerhati (Observer member)
 C = Tiada pematuhan – Bukan ahli

Afghanistan	Afghan Independent Human Rights Commission	A
Armenia	Human Rights Defender of the Republic of Armenia	A
Azerbaijan	Commissioner for Human Rights (Ombudsman)	A
Bahrain	National Human Rights Institution of the Kingdom of Bahrain	B
Bangladesh	National Human Rights Commission of Bangladesh	B
Georgia	Public Defender (Ombudsman) of Georgia	A
India	National Human Rights Commission	A
Indonesia	National Commission on Human Rights	A
Iran	Islamic Human Rights Commission	C
Iraq	High Commission for Human Rights	B
Jordan	National Centre for Human Rights	A
Kazakhstan	Commissioner for Human Rights (National Ombudsman)	B
Kyrgyzstan	Ombudsman of Kyrgyz Republic	B
Malaysia	Human Rights Commission of Malaysia	A
Maldives	Human Rights Commission of the Maldives	B
Mongolia	National Human Rights of Mongolia	A
Myanmar	Myanmar National Human Rights Commission	B
Nepal	National Human Rights Commission	A
Oman	National Human Rights Commission of Oman	B
Palestine	Independent Commission for Human Rights in Palestine	A
Philippines	Commission on Human Rights of the Philippines	A
Qatar	National Human Rights Committee	A
Russia	Commissioner for Human Rights in the Russian Federation	A
South Korea	National Human Rights Commission	A
Sri Lanka	Human Rights Commission of Sri Lanka	A
Tajikistan	Human Rights Ombudsman of the Republic of Tajikistan	B
Thailand	National Human Rights Commission of Thailand	B
Timor-Leste	Provedoria for Human Rights and Justice	A

INDONESIA

National Commission on Human Rights (Komnas HAM)

Tarikh penubuhan: 1993

Konteks

- **Pengekal**
- Triti-triti yang telah diratifikasikan: **ICCPR, CAT**
- Undi terhadap Resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 2018 untuk moratorium sejagat terhadap pelaksanaan hukuman mati: **abstain mengundi**
- Jumlah banduan hukuman mati setakat akhir tahun 2018: **lebih daripada 308**
- Jumlah hukuman mati yang direkodkan pada tahun 2018: **lebih daripada 48**
- Jumlah hukuman mati yang dilaksanakan: **0**

Komnas HAM telah ditubuhkan melalui Dekri Presiden pada 7 Jun 1993. Dasar perundangannya kemudiannya telah dipinda melalui penerimaan pakai undang-undang oleh Parlimen Indonesia (No. Perundangan. 39 tahun 1999 mengenai hak asasi manusia) yang membolehkan Suruhanjaya untuk:

- Menyediakan pendidikan hak asasi manusia dan menyebarkan maklumat mengenai hak asasi manusia di peringkat kebangsaan dan antarabangsa;
- Memantau triti hak asasi manusia antarabangsa yang boleh dicadangkan oleh Suruhanjaya kepada Kerajaan untuk diratifikasikan atau diterima.
- Memantau implimentasi hak asasi manusia di Indonesia

Tindakan-tindakan diambil yang dilaporkan:

- **Mengembangkan hubungan bilateral untuk mengelakkan pelaksanaan hukuman mati terhadap warganegara di luar negara.** Pelaksanaan hukuman mati terhadap warganegara Indonesia di Saudi Arabia, Malaysia dan China dapat dielakkan disebabkan oleh tindakan yang diambil oleh Komnas HAM.
- **Perangkaan laporan-laporan dan advokasi dengan badan-badan hak asasi manusia antarabangsa.** Pada Disember 2012, Komnas HAM telah mengemukakan senarai isu-isu kepada

Jawatankuasa Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang mana Suruhanjaya berpendapat Jawatankuasa patut memberi penilaian dalam pertimbangannya terhadap laporan awal Indonesia dalam pelaksanaan ICCPR.³⁸ Ia berpendapat bahawa Artikel 6 ICCPR mengenai hak kepada kehidupan adalah tidak dihormati di Indonesia kerana penggunaan hukuman mati adalah tidak terhad kepada jenayah yang paling serius. Suruhanjaya menegaskan bahawa tiada kompromi harus dibuat terhadap hak kepada kehidupan, dan telah mengesyorkan bahawa skop aplikasi hukuman mati perlu dikurangkan dan hanya terhad kepada kes jenayah serius dan mengalakkan Indonesia untuk meratifikasikan OP2.

- **Perancangan mesyuarat advokasi dengan pihak-pihak berkuasa kebangsaan.** Sementara Kod Jenayah sedang dipinda, Komnas HAM telah mengadakan mesyuarat-mesyuarat untuk menggalakkan pemansuhan hukuman mati dengan pihak-pihak yang relevan (ahli-ahli Kerajaan dan Parlimen).
- **Penyertaan kerap di Kongres-Kongres Sedunia terhadap Hukuman Mati.**

³⁸ Laporan yang ditulis oleh KOMNAS HAM dan dikemukakan kepada Jawatankuasa Hak Asasi Manusia boleh dirujuk di https://www2.ohchr.org/english/bodies/hrc/docs/ngos/nationalcommissiononhumanrights_indonesia_hrc107.pdf

MALAYSIA

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

Tarikh penubuhan: 1999

Konteks

- **Pengkritik**
- Triti-triti yang telah diratifikasikan: /
- Undi terhadap Resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 2018 untuk moratorium sejagat terhadap pelaksanaan hukuman mati: **menyokong**
- Jumlah banduan hukuman mati setakat akhir tahun 2018: **1,275**
- Jumlah hukuman mati yang direkodkan pada tahun 2018: **190**
- Jumlah hukuman mati yang dilaksanakan: **0**

SUHAKAM merupakan salah satu *NHRIs* yang paling aktif dalam rantau tersebut. Advokasi dan kerja peningkatan kesedaran awam perlu diberi penekanan di negara yang mana, walaupun, pendapat umumnya masih memihak kepada penggunaan hukuman mati, terutamanya untuk kes-kes pembunuhan. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa tinjauan yang menunjukkan perbezaan pendapat orang awam bahawa mereka adalah bersedia untuk menyokong reformasi Kerajaan untuk memansuhkan hukuman mati.

Tindakan-tindakan diambil yang dilaporkan:

- **Perancangan mesyuarat-mesyuarat, seminar-seminar, persidangan-persidangan dan pameran-pameran yang tetap di seluruh negara untuk meningkatkan kesedaran awam.** Pada Jun 2018, suatu persidangan kebangsaan berkenaan hukuman mati telah diadakan. Ia mempunyai objektif-objektif seperti berikut: untuk meningkatkan kesedaran para peserta-peserta mengenai isu hukuman mati dan hak kepada kehidupan; untuk memudahkan dan menyokong usaha Kerajaan untuk memansuhkan hukuman mati mandatori; untuk meningkatkan kesedaran dan memaklumkan orang awam mengenai isu-isu hukuman mati dari perspektif agama dan menyokong Kerajaan untuk mengambil langkah konkrit untuk memperbaharui sistem keseksaan (*penal*) Malaysia, untuk menjatuhkan hukuman yang berkesan dan berperikemanusiaan. Kesimpulan-kesimpulan dan perbincangan-perbincangan yang diperoleh daripada persidangan-persidangan kebangsaan adalah dijadikan sebagai cadangan

operasi untuk Kerajaan dan dibentangkan kepada Parlimen untuk penilaian menyeluruh. Ini adalah sebahagian daripada rangka luas untuk aktiviti-aktiviti seperti perancangan perdebatan pelajar-pelajar, mesyuarat-mesyuarat dengan pemegang-pemegang kepentingan dan pameran-pameran mengenai pemansuhan hukuman mati.

- **Perancangan mesyuarat-mesyuarat dengan pihak-pihak berkuasa politik.**
- **Perancangan mesyuarat-mesyuarat dengan pihak-pihak berkuasa agama dan perkembangan hujahan-hujahan yang ditujukan kepada mereka.** SUHAKAM telah mengadakan mesyuarat-mesyuarat meja bulat dengan persatuan-persatuan agama untuk memperoleh pandangan mereka terhadap hukuman mati. Aktiviti-aktiviti tersebut telah diadakan dengan kerap di seluruh negara (sebagai contoh, pada November 2017 di Universiti Pendidikan Sultan Idris [UPSII]). Pada kesimpulan mesyuarat-mesyuarat tersebut, pihak-pihak berkuasa agama telah secara keseluruhannya menyokong aktiviti-aktiviti SUHAKAM.
- **Penerimaan pendekatan yang menyeluruh dalam perancangan mesyuarat-mesyuarat dan persidangan-persidangan bilateral.** Jemputan para peserta-peserta dari latar-latar belakang yang berbeza: agensi-agensi Kerajaan, ahli-ahli Parlimen, perkhidmatan diplomatik (*diplomat service*), badan-badan agama, NGOs, pengamal undang-undang, ahli-ahli akademik dan pelajar-pelajar. Pada akhir mesyuarat-mesyuarat dan persidangan-persidangan yang diadakan, suatu laporan dengan cadangan-cadangan telah disediakan untuk Kerajaan dan dibentangkan kepada Parlimen untuk penelitian menyeluruh.
- **Penglibatan dalam projek-projek antarabangsa mengenai pemansuhan hukuman mati.** SUHAKAM telah menyertai dalam projek yang diketuai oleh Forum Asia Pasifik Institusi Hak Asasi Manusia Nasional (APF) yang bertujuan untuk mengukuhkan kapasiti institusi-institusi hak asasi manusia, terutama sekali mereka yang terdiri daripada Negara-Negara Persekutuan, untuk menggalakkan pemansuhan hukuman mati. SUHAKAM juga menyertai Kongres-Kongres Sedunia menentang Hukuman Mati dengan kerap.

MYANMAR

Myanmar National Human Rights Commission (MNHRC)

Tarikh penubuhan: 2011

Konteks

- **Moratorium de facto terhadap pelaksanaan hukuman mati sejak 1988**
- Triti-triti yang telah diratifikasikan: /
- Undi terhadap Resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 2018 untuk moratorium sejagat terhadap pelaksanaan hukuman mati: **abstain mengundi**
- Jumlah banduan hukuman mati setakat akhir tahun 2018: **tidak diketahui**
- Jumlah hukuman mati yang direkodkan pada tahun 2018: **lebih daripada 9**

Sejak beberapa tahun yang lepas, MNHRC telah menyertai pelbagai rangkaian serantau dan antarabangsa. Di antara Oktober 2017 dan April 2018, MNHRC telah menyertai projek APF mengenai pemansuhan hukuman mati.

Tindakan-tindakan diambil yang dilaporkan:

- **Penganjuran bengkel-bengkel peningkatan kesedaran di seluruh negara.** Dalam rangka projek APF, MNHRC telah mengadakan suatu bengkel mengenai pemansuhan hukuman mati pada Oktober 2017 di Nay Pyi Taw, dengan hasrat untuk mengesyorkan kepada Kerajaan untuk mempertimbangkan pemansuhan hukuman mati dan, sementara menunggu pemansuhan, untuk mempertimbangkan moratorium atas penggunaan hukuman mati. Penganjuran bengkel ini merupakan suatu peluang untuk menjemput wakil-wakil daripada komuniti akademik, terutamanya Professor Jon Yorke, pakar hak asasi manusia daripada Universiti Birmingham (United Kingdom), dan untuk berkongsi pengalaman-pengalaman MNHRC di bidang ini. Bengkel tersebut berakhir dengan pemerhatian-pemerhatian dan cadangan-cadangan yang berikut:
 - 1 **Dalam undang-undang domestik, pelaksanaan moratorium untuk hukuman menyumbang kepada yang berikut:**
 - a. Mengenalpasti hukuman alternatif yang berkesan;
 - b. Mengelakkan penyebaran salah faham mengenai keberangkalian peningkatan kadar jenayah akibat daripada pemansuhan hukuman mati;

- c. Meningkatkan kesedaran awam mengenai kebaikan sistem perundangan jenayah yang lebih berperikemanusiaan;
- d. Menjuruskan langkah seterusnya pemansuhan hukuman mati dalam negara.

2 **Pada peringkat antarabangsa, moratorium untuk hukuman mati menyumbang kepada yang berikut:**

- a. Membekalkan Kerajaan dengan cara-cara (*means*) dari segi perundangan dan politik untuk mengambil bahagian dalam isu hukuman mati di peringkat antarabangsa;
- b. Memberi sumbangan dengan melaksanakan moratorium untuk hukuman mati di rantau Asia-Pasifik;
- c. Membekalkan Kerajaan dengan cara-cara (*means*) untuk menerima pakai ICCPR. Bengkel tersebut juga menyumbang kepada pembentangan cadangan kepada Kerajaan untuk melarang hukuman mati terhadap wanita mengandung, wanita dengan kanak-kanak, orang tua dan orang kurang upaya, mengikut peruntukan Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Hak Kanak-Kanak yang mana Myanmar merupakan parti.

- **Advokasi dengan pihak-pihak berkuasa politik negara.**

FILIPINA

Commission on Human Rights of the Philippines (CHRP)

Tarikh penubuhan: 1987

Konteks

- Pemansuhan sejak 2006
- Triti-triti yang telah diratifikasikan: ICCPR, CAT, OP2
- Undi terhadap Resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 2018 untuk moratorium sejagat terhadap pelaksanaan hukuman mati: **abstain mengundi**

CHRP pada ketika ini sedang mengalami tekanan yang serius (considerable strain), sejak Presiden Rodrigo Duterte telah membuat pengembalian semula hukuman mati sebagai keutamaan untuk polisi keselamatannya.

Tindakan-tindakan diambil yang dilaporkan:

- **Mengendalikan tinjauan pendapat mengenai pendapat terhadap hukuman mati untuk mempunyai pemahaman yang lebih mendalam mengenai pendapat umum untuk isu ini.** Kaji selidik yang dijalankan pada Mac 2018 oleh CHRP merupakan kaji selidik yang pertama untuk meneliti perbezaan persepsi terhadap hukuman mati oleh penduduk Philippines.
- **Kerjasama dengan komuniti akademik untuk memberi asas saintifik yang kukuh untuk pendekatan yang diambil.** Terutamanya CHRP yang telah menerbitkan artikel yang dikarang bersama dengan Dr. Christopher Ward dari Universiti Nasional Australia (ANU), yang bertajuk: *In Defense of the Right to Life: International Law and Death Penalty in Philippines.*³⁹ CHRP juga telah melancarkan kempen “Universities against Death Penalty” untuk menyatukan komuniti saintifik untuk isu hukuman mati.
- **Advokasi dengan badan perundangan (Perhimpunan Kebangsaan (National Assembly) dan Senat).** Tugas peningkatan kesedaran ini adalah penting sejak pengembalian semula (*reinstatement*) hukuman mati yang dicadangkan oleh Kerajaan Duterte dan

diterima pakai oleh Perhimpunan Kebangsaan yang mana akhirnya ditolak oleh Senat Philippines. Tanpa sebarang tentangan daripada Senat dan peranan aktif CHRP dalam menganjurkan mesyuarat-mesyuarat, peningkatan kesedaran dan aktiviti-aktiviti pendidikan untuk ahli-ahli Senat Filipina, adalah pasti bahawa hukuman mati akan dikembalikan semula.

- **Mesyuarat-mesyuarat kerap dengan masyarakat sivil yang bertugas untuk melindungi hak-hak asasi manusia, Kerajaan dan Parlimen (ahli-ahli Parlimen dan ahli-ahli pentadbiran).**
- **Penubuhan kumpulan kerja untuk hukuman mati dalam Suruhanjaya.**
- **Penganjuran acara-acara peringatan** seperti Hari menentang Hukuman Mati Sedunia pada 10 Oktober pada setiap tahun, dan untuk menandakan penggunaan undang-undang kebangsaan yang melarang penggunaan hukuman mati pada 24 Jun.⁴⁰
- **Penganjuran kempen peningkatan kesedaran di rangkaian-rangkaian sosial.** Sebagai contoh, CHRP sedang menjalankan kempen untuk menentang hukuman mati melalui rangkaian “Right to Life”.
- **Mengukuhkan kapasiti Parlimen dalam bidang hak-hak asasi manusia.** Program CHRP yang bertajuk “A Human Rights-Based Approach to Legislation,” menilai kandungan undang-undang dalam pertimbangan, penggubalan undang-undang, cadangan-cadangan badan perundangan dan memberi penentangan sistematik terhadap cadangan perundangan dalam memperkenalkan semula hukuman mati.
- **Penyertaan dan kenyataan-kenyataan di Kongres Sedunia Ke-7 menentang Hukuman Mati**

39 Rujuk “In Defense of the Right to Life: International Law and Death Penalty in the Philippines”. Suatu kajian yang dibuat terhadap Hak Asasi Manusia di Philippines dan Dr Christopher Ward, Universiti Nasional Australia, di <http://regnet.anu.edu.au/sites/default/files/uploads/2017-03/In-Defense-of-the-Right-to-Life-IL-and-Death-Penalty-in-the-Philippines.pdf>

40 Republic Act (RA), No. 9346, “An Act Prohibiting the Imposition of the Death Penalty in the Philippines”.

SRI LANKA

Human Rights Commission of Sri Lanka (HRCSL)

Tarikh penubuhan: 1996

Konteks

- **Moratorium de facto terhadap pelaksanaan hukuman mati sejak 1976**
- Triti-triti yang telah diratifikasikan: ICCPR, CAT
- Undi terhadap Resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 2018 untuk moratorium sejagat terhadap pelaksanaan hukuman mati: **menyokong**
- Jumlah banduan hukuman mati setakat akhir tahun 2018: **1,299**
- Jumlah hukuman mati yang direkodkan pada tahun 2018: **lebih daripada 17**

Presiden Republik Sri Lanka, Maithripala Sirisena, yang dipilih pada Januari 2005, telah berkuasa (came to power) dengan gabungan yang telah menjanjikan pelbagai pembaharuan-pembaharuan yang berlandaskan pendemokrasian (*democratization*) negara tersebut. Walau bagaimanapun, pada Julai 2018, Pejabat Presiden telah mengumumkan bahawa ia akan mengembalikan pelaksanaan hukuman mati terhadap mereka yang disabitkan dengan kesalahan berkaitan dengan dadah, termasuk mereka yang mana hukuman matinya telah digantikan (*commuted*).

Tindakan-tindakan diambil yang dilaporkan:

- **Menunjukkan soalan-soalan kepada Presiden Republik sebagai cadangan ke arah pemansuhan.** Sebagai respon kepada pengumuman yang membimbangkan daripada Kerajaan pada tahun 2018, HRCSL telah menulis surat kepada Presiden⁴¹, yang telah menarik perhatian yang besar (*significant media attention*) daripada pihak media selepas penerbitannya⁴². Surat ini mengulang semula kandungan surat terdahulu, yang bertarikh 1 Januari 2016, yang mana HRCSL telah menyatakan untuk menyokong pemansuhan hukuman mati⁴³ dan telah

41 Surat tersebut boleh dirujuk di halaman web HRCSL: http://hrctl.lk/english/wp-content/uploads/2018/07/Letter-to-HE-President-on-13-07-2018_-_English-Translation.pdf

42 Seperti yang dinyatakan oleh artikel-artikel akhbar yang diterbitkan. Rujuk <http://www.newindianexpress.com/world/2018/jul/14/human-rights-commission-of-sri-lanka-urges-president-maithripala-sirisena-to-reconsider-re-imposing-1843346.html> atau <http://www.asianmirror.lk/news/item/27814-human-rights-commission-of-sri-lanka-writes-to-president-against-decision-to-sanction-death-penalty>

43 Surat terdahulu Januari 2016 boleh dirujuk di halaman web HRCSL: <http://hrctl.lk/english/wp-content/uploads/2016/01/RECOMMENDATION-TO-ABOLISH-THE-DEATH-PENALTY-IN-SRI-LANKA-E.pdf>

menyeru Sri Lanka untuk menerimapiakai OP2 dan untuk meringankan hukuman mati kepada hukuman penjara.

- **Perkembangan hujahan-hujahan berkaitan, yang disesuaikan kepada konteks untuk menyokong pemansuhan hukuman mati.** Menurut kepada HRCSL, hujahan yang paling berkesan dalam menyokong pemansuhan hukuman mati adalah terkandung dalam perjanjian-perjanjian perdagangan antara Kesatuan Eropah dan Sri Lanka. Sri Lanka telah menerima manfaat daripada perdagangan diutamakan (*preferential*) Kesatuan Eropah dalam rangka Sistem Keutamaan Am (GSP). Untuk terus menerima manfaat tarif perdagangan, Sri Lanka perlu untuk menghormati peruntukan-peruntukan konvensyen-konvensyen hak asasi manusia antarabangsa (termasuk ICCPR)⁴⁴. Secara lanjutan, salah satu syarat untuk menikmati faedah perdagangan yang diberikan oleh Kesatuan Eropah adalah dengan memansuhkan hukuman mati atau, sekurang-kurangnya, untuk mengurangkan skopnya dengan ketara.

Penggunaan rangkaian sosial secara meluas untuk meningkatkan kesedaran awam dan untuk mencegah maklumat palsu mengenai hukuman mati yang diedarkan secara meluas atas talian.

44 Artikel 19 daripada Peraturan penubuhan GPS memperuntukkan pengeluaran (*withdrawal*) perdagangan diutamakan dalam kes-kes tertentu: amalan perdagangan tidak adil yang serius dan pelanggaran konvensyen antarabangsa mengenai hak-hak asasi manusia (termasuk ICCPR) dan hak-hak pekerja. Teks Peraturan No. 978/2012 Parlimen Eropah dan Majlis (2012) dalam penetapan skim tarif umum dan pemansuhan Council Regulation (EC) No. 732/2008 boleh dirujuk di <https://eur-lex.europa.eu/legal-content/EN/TXT/?uri=CELEX:32012R0978>

THAILAND

National Human Rights Commission of Thailand

Tarikh penubuhan: 1997

Konteks

- **Pengekal**
- Triti-triti yang telah diratifikasikan: /
- Undi terhadap Resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 2018 untuk moratorium sejagat terhadap pelaksanaan hukuman mati: **menyokong**
- Jumlah banduan hukuman mati setakat akhir tahun 2018: **551**
- Jumlah hukuman mati yang direkodkan pada tahun 2018: **lebih daripada 33**
- Jumlah hukuman mati yang dilaksanakan: **1**

Di Thailand, pengembalian semula hukuman mati pada tahun 2018, selepas moratorium selama 9 tahun, merupakan suatu rintangan yang besar (*major setback*). Ini merupakan suatu halangan yang serius kepada pendekatan yang diambil oleh *National Commission* untuk mengalakkan pemansuhan hukuman mati secara beransuran.

Tindakan-tindakan diambil yang dilaporkan:

- **Penyelidikan dan penelitian-penelitian terhadap isu-isu hukuman mati.** Dalam cadangan pelaksanaan untuk penelitian seterusnya, *National Commission* berpendapat bahawa Kerajaan harus mengalakkan keadilan pemulihan (*restorative justice*), memupuk dan mewujudkan hubungan antara orang yang telah disabitkan kesalahan (*convicted person*) dengan mangsa ataupun ahli keluarganya. Di Thailand, tingkah laku orang yang telah disabitkan kesalahan memainkan peranan yang penting dalam penentuan hukuman. Mendapat pengampunan daripada keluarga mangsa adalah faktor muktamad (*decisive*) dalam penentuan hukuman. Dalam skala besar, *National Commission* berpendapat bahawa ia akan memberi impak positif terhadap persepsi hukuman mati di masyarakat Thailand, dengan pandangan untuk pemansuhan.
- **Cadangan-cadangan kepada Kerajaan.** Pada Julai 2018, Suruhanjaya telah mengemukakan cadangan kepada Perdana Menteri dalam menyeru Kerajaan untuk menjalankan penilaian terhadap polisinya untuk memansuhkan hukuman mati dan meningkatkan kesedaran awam.

- **Perkembangan hujahan terhadap hukuman mati dan penerimaan pakai pendapat awam (*adoption of a public position*).** Suruhanjaya telah menyatakan semula pendirian yang memihak kepada pemansuhan dalam pembangunan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan untuk tempoh 2014-2018.⁴⁵

⁴⁵ Pelan Tindakan tersebut adalah terdapat di http://www.rlpd.go.th/rlpdnew/images/rlpd_1/2556/thaigov_Plan3/10plan3.pdf

CADANGAN- CADANGAN



CADANGAN-CADANGAN KEPADA *NHRIs*

Dokumen

- Penyediaan laporan berasaskan penyelidikan tematik (*thematic*) berkenaan dengan hukuman mati, dengan bekerjasama dengan ahli-ahli akademia dan penyelidik-penyelidik;
- Membuat lawatan ke penjara dan, terutamanya, melawat banduan hukuman mati dan menjalankan lawatan susulan untuk menilai perkembangan keadaan penahanan (*detention condition*);
- Mengumpul dan berkongsi data-data jantung dan umur dipisahkan (*disaggregated*) untuk jumlah pelaksanaan hukuman mati dan individu yang disabitkan dengan hukuman mati;
- Mengarahkan *NHRI* tempatan, jika wujud, untuk mengumpul data-data tersebut;
- Menyeru authoriti untuk menunjukkan ketelusan dengan menerbitkan data-data tersebut pada setiap tahun;
- Memantau kes-kes individu yang berdepan dengan hukuman mati (termasuk menyiasat alegasi-alegasi penyeksan dan pelanggaran Artikel 6 dan 7 ICCPR);
- Memasukkan isu hukuman mati dengan sistematik dalam penyediaan laporan-laporan hak asasi manusia;
- Mewujudkan kumpulan kerja untuk hukuman mati dalam institusi;
- Bekerjasama dengan Mekanisme Pencegahan Nasional (NPM) terhadap penyeksan, jika *NHRI* tiada mandat tersebut;
- Memantau kes-kes kewarganegaraan yang telah disabitkan atau berhadapan dengan hukuman mati di luar negara, terutamanya dengan bekerjasama dengan *NHRI* tempatan, yang mana relevan;
- Menjalankan kajian-kajian mengenai isu-isu berkaitan dengan konteks negara berkenaan kekurangan kesan pencegahan hukuman mati terhadap keganasan atau pendedaran dadah, sebagai contoh) dan menggalakkan pelaksanaan alternatif untuk memerangi mereka, seperti reformasi sistem kehakiman, memperkuatkan prosedur jenayah dan menggunakan teknologi baru;
- Berdasarkan kajian sedemikian, menganjurkan sesi latihan-latihan percuma untuk orang awam mengenai sistem keadilan jenayah di setiap negara.

Menganjurkan usaha kolaborasi

- Bekerjasama dengan rangkaian *NHRI* serantau dengan mengemukakan laporan tematik (*thematic*) kepada mereka dan mengambil bahagian dalam hak asasi manusia serantau dan antarabangsa untuk berkongsi amalan baik;
- Mengadakan mesyuarat tetap dan spesifik mengenai isu hukuman mati dengan pihak-pihak berkuasa kebangsaan;
- Bertemu dengan pihak berkuasa agama dan mengembangkan hujahan tertentu yang ditujukan kepada mereka;
- Bekerjasama dengan pihak-pihak berkuasa adat resam (*customary authorities*) di negara-negara di mana keadilan tradisional memainkan peranan yang penting;
- Mengadakan mesyuarat, seminar dan persidangan mengenai penghapusan hukuman mati secara teratur di seluruh negara;
- Mengadakan bengkel untuk semua pihak-pihak yang terlibat dalam hukuman mati (peguam, pakar perundangan, hakim, pendakwa raya, kakitangan awam dalam pentadbiran penjara, Kementerian Kehakiman (*Ministry of Justice*) dan Kementerian yang bertanggungjawab untuk keselamatan dan urusan dalaman, pertubuhan masyarakat sivil, ahli parlimen) untuk membuat penelitian bersama dalam menyokong pemansuhan;
- Mengadakan sesi latihan dalam *NHRI* berdasarkan panduan ini;
- Menubuhkan rangkaian *NHRI* untuk memansuhkan hukuman mati.

Meningkatkan kesedaran awam

- Menggalakkan pemahaman mengenai cadangan-cadangan yang dibuat kepada pihak berkuasa negara dengan merangka kenyataan akhbar dan menghantarnya kepada media kebangsaan, untuk membuat saranan yang lebih mudah diakses oleh orang awam;
- Menghasilkan panduan mudah mengenai isu hukuman mati, untuk murid-murid sekolah dan buku dengan penggunaan bahasa biasa dan mudah;
- Gunakan rangkaian sosial untuk mengendalikan kempen dalam menentang hukuman mati dan memerangi berita palsu yang kerap dihantar atas talian;
- Mengadakan aktiviti-aktiviti peningkatan kesedaran awam dan kegiatan pendidikan mengenai isu-isu yang dibangkitkan melalui pelaksanaan hukuman mati, terutamanya untuk

menandakan Hari menentang Hukuman Mati Sedunia, termasuk negara-negara pemansuhan.

Membuat cadangan-cadangan kepada Negara mengenai keperluan pembaharuan-pembaharuan perundangan

- Menggunakan kuasa secara sistematik untuk mendengar suatu perkara tanpa rujukan kepada pihak atasan (*higher referral*) untuk mengemukakan kepada penasihat Kerajaan mengenai pendapat-pendapat (*opinions*) kepada teks-teks perundangan (*legislative texts*) atau pembaharuan untuk mengehadkan (*restrict*) atau membuat pindaan kepada penggunaan hukuman mati;
- Bekerjasama dengan Parlimen berkenaan dengan alternatif kepada hukuman mati, memberi keutamaan kepada aspek pemulihan keadilan, khususnya semasa tempoh moratorium;
- Perbincangan (*advocate*) dengan Parlimen berkenaan pembaharuan kepada Kanun Jenayah (*Criminal Code*) untuk mengurangkan jumlah kes-kes jenayah yang boleh dijatuhkan dengan hukuman mati, melalui pergantian hukuman (*commutation of sentences*) atau bertujuan untuk memansuhkan hukuman mati mandatori atau penghapusan secara keseluruhan.

Mengalakkan Negara untuk menghormati komitmen-komitmen antarabangsa

- Memberi peringatan kepada badan kehakiman mengenai komitmen antarabangsa sesebuah negara, di mana berkenaan, dalam bidang perlindungan tatacara (*procedural safeguard*) dan hak untuk perbicaraan adil, sebagaimana yang diperuntukkan oleh Artikel 6 dan 14 ICCPR;
- Di Negara-Negara Pemansuhan, langkah pertamanya adalah untuk memastikan penggunaan pelaksanaan hukuman mati adalah terhad kepada "*the most serious crimes*" berdasarkan Artikel 6 ICCPR dan Komen Umum No. 36 Jawatankuasa Hak Asasi Manusia PBB mengenai hak untuk nyawa, yang diterima pakai pada tahun 2018 dan yang menggalakkan interpretasi pemansuhan Artikel 6 ICCPR mengenai hak kepada kehidupan;
- Mengalakkan persetujuan kepada atau ratifikasi ICCPR, OP2, CAT, OPCAT dan protokol serantau, di mana berkenaan, melalui

penganjuran mesyuarat-mesyuarat advokasi dengan pihak-pihak berkuasa negara tersebut;

- Menyokong (*advocate*) undi yang memihak kepada Resolusi Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang menyeru untuk moratorium sejagat (*universal moratorium*), semasa mesyuarat-mesyuarat dengan pihak-pihak berkuasa negara (Kementerian Keadilan dan Kementerian Luar Negeri);
- Memainkan peranan yang aktif di pelbagai peringkat proses UPR;
- Mengalakkan peruntukan tambahan dalam triti ekstradisi yang melarang penggunaannya di mana negara yang melaksanakan hukuman mati.

CADANGAN-CADANGAN KEPADA RANGKAIAN-RANGKAIAN *NHRI*

- Menggalakkan projek-projek untuk mengukuhkan kapasiti *NHRI* dalam perjuangan untuk menamatkan hukuman mati;
- Memasukkan sesi-sesi yang terutamanya memberi tumpuan kepada hukuman mati dan isu-isu berkaitan dengan agenda-agenda antarabangsa (GANHRI) dan mesyuarat-mesyuarat serantau;
- Membangunkan dalam rangkaian *NHRI* suatu kumpulan kerja untuk hukuman mati yang menyumbang kepada perkongsian kepakaran dan penyelarasan tindakan yang memihak kepada pemansuhan;
- Dalam proses akreditasi yang dilaksanakan oleh GANHRI, memasukkan kedudukan yang diambil oleh *NHRI* sebagai antara kriteria penilaian untuk hukuman mati dan tindakan yang dilakukan untuk memansuhkan hukuman mati.

LAMPIRAN

SERUAN OLEH NHRIS YANG DIISUKAN DI KONGRES SEDUNIA KE-7 TERHADAP HUKUMAN MATI

**Seruan oleh NHRI untuk memperkuat
dan meluaskan perjuangan dalam menentang hukuman mati
Brussels, 26 Februari - 1 Mac 2019**

Kongres Sedunia adalah titik permulaan yang penting untuk gerakan perjuangan oleh pergerakan pemansuhan antarabangsa (*international abolitionist movement*) terhadap hukuman mati. Kongres ke-7 ini, melalui pengaruhnya, perdebatan-perdebatan yang berlaku, terutamanya dengan membolehkan peluang untuk bertukar pendapat dengan wakil-wakil berpangkat tinggi untuk negara-negara pemansuhan *de jure* atau *de facto*, organisasi-organisasi antara kerajaan (*intergovernmental*) dan bukan kerajaan (*non-governmental*), merupakan suatu langkah yang penting dalam proses untuk mencapai pemansuhan hukuman mati di seluruh dunia.

Memandangkan pemansuhan adalah trend global sejak pemansuhan hukuman mati dibuat oleh 144 negara-negara dan wilayah-wilayah;

Kami dengan pastinya sedang menyaksikan suatu peristiwa bersejarah yang penting dalam pergelutan yang berpanjangan oleh pemansuh.

Walau bagaimanapun ia adalah diperhatikan bahawa situasi adalah bertentangan, dengan terdapat melebihi 20,000 orang yang telah dijatuhkan dengan hukuman mati di seluruh dunia, dan terdapat negara-negara yang akan melaksanakan atau membuat pertimbangan untuk memperkenalkan hukuman mati dalam senjata perundangannya (*legal arsenal*).

Kami,
Presiden dan wakil-wakil Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRI) daripada sebelas (11) negara, dari Cameroon, Côte d'Ivoire,

Republik Afrika Tengah, Republik Demokratik Congo, Indonesia, Liberia, Mali, Maghribi, Niger, Tunisia, telah mengambil bahagian dengan aktif dalam kerja Kongres Sedunia ke-7 yang diadakan di Brussels dari 26 Februari hingga 1 Mac, 2019, menerima pakai deklarasi bersama, berikutan pertukaran yang kaya (*rich*) dan tegang dan perkongsian pengalaman, mengenai cabaran semasa yang berkaitan dengan pergelutan pemansuh di peringkat antarabangsa dan serantau.

Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (*NHRIs*) mempunyai mandat untuk melindungi dan menggalakkan hak asasi manusia. Isu pemansuhan hukuman mati dan isu-isu yang berkaitan, seperti hak untuk perbicaraan yang adil dan syarat-syarat penahanan, adalah sebahagian daripada mandat ini.

Berdasarkan pemerhatian ini dan selaras dengan deklarasi-deklarasi yang lalu (Oslo 2016, Rabat 2017), kami ingin menyeru untuk mempercepatkan tindakan pemansuhan, bergantung kepada semua jentera-jentera (*levers*), khususnya dengan merasmikan fasa baru yang memihak kepada penglibatan yang lebih menyeluruh oleh *NHRIs* dan artikulasi tindakan dengan pihak-pihak berkuasa kerajaan, parlimen-parlimen dan pertubuhan-pertubuhan masyarakat sivil bukan kerajaan yang lebih kuat.

Dalam perspektif ini, ia adalah penting untuk mencapai pelaksanaan dua prasyarat: salah satunya, bahawa *NHRIs*, mengikut Prinsip-prinsip Paris, boleh mendapat manfaat daripada kuasa dan cara-cara (*means*) yang menjamin otonomi dan legitimasi untuk mencadangkan pemansuhan hukuman mati kepada kerajaan dan parlimen, dan yang kedua, bahawa *NHRIs* untuk memasukkan penghapusan hukuman mati sebagai keutamaan dalam usaha untuk campur tangan.

Peringkat baru ini adalah berdasarkan kepada cadangan-cadangan yang berikut:

- Memastikan pemansuhan hukuman mati adalah dalam agenda mesyuarat kerja Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan, sama ada dalam rangka GANHRI atau dalam rangkaian serantau.
- Mewujudkan rangkaian *NHRI*, terutamanya di peringkat serantau, kumpulan kerja mengenai hukuman mati yang akan membolehkan *NHRIs* untuk menggabungkan kepakaran

mereka dan bertindak secara sistematik untuk mempromosikan pemansuhan.

NHRIs, selaras dengan perogatifnya, mesti:

- Bertindak dengan lebih berkesan untuk membuat cadangan kepada kerajaan-kerajaan dan parlimen-parlimen atau pembaharuan perlembagaan atau perundangan yang membawa kepada pemansuhan, atau kepada moratorium terhadap hukuman mati atau untuk mengurangkan jumlah kes jenayah yang boleh dihukum oleh hukuman mati.
- Memantau dan menyokong (*advocate*) dengan kerajaan-kerajaan untuk menyelaraskan undang-undang kebangsaan, peraturan-peraturan dan amalan-amalan dengan instrumen hak asasi manusia antarabangsa.
- Menggalakkan ratifikasi atau penerimaan pakai instrumen-instrumen ini dan memastikan pelaksanaannya, termasuk ratifikasi Protokol Kedua kepada Kovenan Antarabangsa Hak Sivil dan Politik yang bertujuan untuk memansuhkan hukuman mati (OP2) dan bekerja ke arah penerimaan pakai Resolusi terhadap pelaksanaan moratorium untuk hukuman mati.
- Membuat cadangan mengenai isu hukuman mati di Semakan Berkala Sejangat (UPR) untuk Negara yang berkenaan.
- Mendokumentasikan dan mengumpul data-data mengenai keadaan banduan hukuman mati melalui lawatan ke penjara-penjara dan menilai situasi mereka.
- Melibatkan masyarakat sivil dan pihak-pihak pergerakan pemansuhan, dengan menggalakkan kewujudan pelbagai rangkaian pihak-pihak berkepentingan (masyarakat sivil, ahli-ahli parlimen, peguam-peguam, media, belia, pemimpin-pemimpin agama dan komuniti) untuk menuju ke arah pemansuhan, selaras dengan cadangan yang dibuat oleh Forum Sedunia mengenai Hak Asasi Manusia [WFHR pada bulan November 2014 di Marrakech.
- Menggalakkan inisiatif oleh parlimen-parlimen dan perbahasan mengenai pemansuhan hukuman mati, khususnya dengan menyokong penubuhan rangkaian parlimen-parlimen pemansuh.
- Menggalakkan kesedaran awam dan penelitian mengenai alternatif kepada hukuman mati dan menyumbang terhadap pendidikan untuk memansuhkan hukuman mati.

LAMPIRAN BIBLIOGRAFI

Sumber-sumber undang-undang antarabangsa

- Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejangat, 10 Disember 1948.
- Kovenan Antarabangsa Hak Sivil dan Politik, 16 Disember 1966
- Kovenan Antarabangsa Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan, 16 Disember 1966.
- Piagam Afrika mengenai Hak Kemanusiaan dan Orang, 27 Jun 1981.
- Protokol No. 6 Konvensyen untuk Perlindungan Hak Asasi Manusia dan Kebebasan Asas mengenai Pemansuhan Hukuman Mati, 28 April 1983.
- Resolusi Majlis Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 1984/50, Perlindungan untuk menjamin perlindungan hak-hak asasi orang yang berhadapan hukuman mati, 25 Mei 1984.
- Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak, 20 November 1989.
- Protokol Pilihan Kedua (*Second Optional Protocol*) kepada Kovenan Antarabangsa Hak Sivil dan Politik, yang menasaskan pada pemansuhan hukuman mati, 15 Disember 1989.
- Protokol kepada Konvensyen Amerika mengenai Hak Asasi Manusia untuk Memasukkan Hukuman Mati, 8 Jun 1990.
- Resolusi Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 48/134 pada 20 Disember 1993 mengenai "Prinsip-prinsip yang berkaitan dengan Status Kebangsaan [Hak Asasi Manusia Negara] (Prinsip-prinsip Paris).
- Protokol No. 13 kepada Konvensyen untuk perlindungan hak asasi manusia dan kebebasan asas, mengenai pemansuhan hukuman mati dalam semua keadaan, 3 Mei 2002.
- *Judge v. Canada Decision, Human Rights Committee (HRC)*, 5 Ogos 2003.
- Peraturan (EU) No. 978/2012 Parlimen Eropah dan Majlis (2012), memohon untuk skim keutamaan tarif umum (*generalized tariff preference*) dan pemansuhan Peraturan Majlis (EC) No. 732/2008 (2008).
- Peraturan Minimum Standard Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Layanan terhadap Tahanan (Peraturan Nelson Mandela), 17 Disember 2015.

- Komen umum No. 36 (2018) mengenai Artikel 6 Kovenan Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik, terhadap hak kepada kehidupan, Jawatankuasa Hak Asasi Manusia, 30 Oktober 2018.
- Resolusi Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu: 62/149 daripada 18 Disember 2007, 63/168 daripada 18 Disember 2008, 65/206 daripada 21 Disember 2010, 67/176 daripada 20 Disember 2012, 69/186 daripada 18 Disember 2014, 71/187 daripada 19 Disember 2016 dan 73 / 175 daripada 17 Disember 2018 menyeru untuk moratorium sejangat mengenai penggunaan hukuman mati.

Buku-buku dan artikel-artikel akademik

- Nadia Bernaz, *Le droit international et la peine de mort*, La Documentation française, 2008.
- Gérard Fellous, *Les institutions nationales des droits de l'homme. Acteurs de troisième type*, La Documentation française, 2006.
- Roger Hood, *The Death Penalty in Malaysia. Public opinion on the mandatory death penalty for drug trafficking, murder and firearms offences*, The Death Penalty Project, in association with the Bar Council of Malaysia, 2013.
- Magali Lafourcade, *Les droits de l'homme*, Presse universitaire de France (PUF), "Que sais-je?" series, 2018.
- William A. Schabas, *The abolition of the death penalty in international law*, Cambridge University Press, 2002.
- Dr Christopher Ward and The Commission on Human Rights of the Philippines, *In defense of the right to life: international law and death penalty in the Philippines*, 2017, <http://regnet.anu.edu.au/sites/default/files/uploads/2017-03/In-Defense-of-the-Right-to-Life-IL-and-Death-Penalty-in-the-Philippines.pdf>

Laporan-laporan dan dokumentasi-dokumentasi oleh organisasi-organisasi persatuan sivil antarabangsa

- ECPM (Together against the Death Penalty), Maela Bégot and Liévin Ngondji, "Les 'sans-voix' de la République démocratique du Congo. Enquête dans les couloirs de la mort de Kinshasa, Lubumbashi, Buluwo, Kindu et Goma", in ECPM, *Abolir... Rapport annuel de l'association ECPM pour l'abolition universelle de la peine de mort*, 2007.

- Report of the Special Rapporteur on extrajudicial, summary or arbitrary executions, Addendum, Mission to the Democratic Republic of the Congo, 14 June 2010, A/HRC/14/24/Add.3, <https://undocs.org/A/HRC/14/24/Add.3>
- Office of the United Nations High Commissioner for Human Rights, Human Rights Indicators: A Guide to Measurement and Implementation, 2012, https://www.ohchr.org/Documents/Publications/Human_rights_indicators_en.pdf
- Human Rights Organisations' Manifesto for a Protocol to the African Charter on the Abolition of the Death Penalty in Africa, Continental Conference on the Death Penalty, 2-4 July 2014, Benin, https://www.fidh.org/IMG/pdf/manifesto_deathpenalty_africa.pdf
- Cotonou Declaration on the Death Penalty in Africa, Continental Conference, 4 July 2014.
- World Coalition against the Death Penalty, Parliamentarians and the abolition of the death penalty, A resource, 2014, http://www.worldcoalition.org/media/resourcecenter/parliamentarian_%20EN_en_ligne.pdf
- Office of the United Nations High Commissioner for Human Rights, Moving away from the death penalty. Arguments, Trends and Perspectives, 2015, <https://www.ohchr.org/EN/newyork/Documents/Moving-Away-from-the-Death-Penalty-2015-web.pdf>
- ECPM (Together against the Death Penalty), Reports of the 6th World Congress against the Death Penalty, Cahiers de l'abolition No. 4, 2016, <http://www.ecpm.org/wp-content/uploads/actes-Oslo-GB-220217b.pdf>
- Asia Pacific Forum of National Human Rights Institutions, The death penalty, 1999 to 2016, February 2017, http://www.asiapacificforum.net/media/resource_file/APF_Paper_The_Death_Penalty_1999_to_2016_v1Jw89u.pdf
- Amnesty International, Annual Global Report, Death sentences and executions, 2017, <https://www.amnesty.org/download/Documents/ACT5079552018ENGLISH.PDF>
- Amnesty International, Annual Global Report, Death sentences and executions, 2018, <https://www.amnesty.org/download/Documents/ACT5098702019ENGLISH.PDF>
- Declaration of the African Regional Congress against the Death Penalty, Abidjan, 10 April 2018.
- World Coalition against the Death Penalty, Living Conditions on Death Row: Detailed Factsheet, 16th World Day against the Death Penalty, 10 October 2018, http://www.worldcoalition.org/media/resourcecenter/EN_FactSheet_WD2018

Laporan-laporan media

- Thierry Oberlé, "Maroc: la voie à l'abolition de la peine de mort est ouverte", Le Figaro, 29 June 2011, <http://www.lefigaro.fr/international/2011/06/29/01003-20110629ARTFIG00730-maroc-la-voie-a-l-abolition-de-la-peine-de-mortest-ouverte.php>
- Adibe Emenyonu, "Edo Officials, NHRC in War of Words over Death Sentencing", Niger Delta News, 19 March 2014.
- "Indonesia executes six drug convicts as new president Joko Widodo takes a hard line on drugs", ABC News, 29 January 2015, <https://www.abc.net.au/news/2015-01-18/indonesia-executes-six-drug-convicts-most-foreigners/6023518>
- Kate Lamb, "Indonesia kills four prisoners in first executions in a year", The Guardian, 29 July 2016, <https://www.theguardian.com/world/2016/jul/28/indonesia-mass-execution-prisoners>
- Enelless Nyale, "Kafantayeni Project frees 112 murder convicts", The Nation, 27 July 2017, <https://mwnation.com/kafantayeni-project-frees-112-murder-convicts/>
- Owen Khamula, "130 prisoners walk to freedom from death row in Kafantayeni project", Nyasa Times, 27 July 2017, <https://www.nyasatimes.com/130-prisoners-walk-freedom-death-row-kafantayeni-project/>
- Mona Eltahawy, "Tuesday Becomes Execution Day in Egypt", The New York Times, 15 January 2018 https://www.nytimes.com/2018/01/15/opinion/egypt-executions-sisi.html?utm_source=POLITICO.EU&utm_campaign=2fbee79f87-EMAIL_CAMPAIGN_2018_01_16&utm_medium=email&utm_term=0_10959edeb5-2fbee79f87-189621389&mtrref=fr.express.live&gwh=9B167814708EF278502DC285114CC00B&gwt=pay&assetType=opinion
- "En Gambie, le président Adama Barrow annonce un moratoire sur la peine de mort", Le Monde, 19 February 2018, https://www.lemonde.fr/afrique/article/2018/02/19/en-gambie-le-president-adama-barrow-annonce-un-moratoire-sur-la-peine-de-mort_5259038_3212.html
- Charles-Albert Bareth, "Peine de mort en Thaïlande, une première exécution capitale depuis 2009", La Croix, 19 June 2018, <https://www.la-croix.com/Monde/Asie-et-Oceanie/Peine-mort-Thaïlande-premiere-execution-capitale-2009-2018-06-19-1200948479>
- "Human Rights Commission of Sri Lanka urges President Maithripala Sirisena to reconsider re-imposing death penalty", The New Indian Express, 14 July 2018, <http://www>

newindian-express.com/world/2018/jul/14/human-rights-commission-of-sri-lanka-urges-president-maithripala-sirisena-to-reconsider-re-imposing-1843346.html

- “Human Rights Commission of Sri Lanka Writes To President Against Decision To Sanction Death Penalty”, *Asian Mirror*, 14 July 2018, <http://www.asianmirror.lk/news/item/27814-human-rights-commission-of-sri-lanka-writes-to-president-against-decision-to-sanction-death-penalty>

Laman Web

- *African Commission on Human and Peoples’ Rights* (ACHPR) laman web: <https://www.achpr.org/home>
- Forum Asia Pasifik Institusi Hak Asasi Manusia Nasional (APF) laman web: <https://www.asiapacificforum.net/>
- *Association francophone des commissions nationales des droits de l’homme* (AFCNDH) laman web: <http://afcndh.org/>
- *Avocats sans frontières France* (ASF) laman web: <http://avocatssansfrontieres-france.org/>
- *Cornell Center on the Death Penalty Worldwide* laman web: [http:// dpw.law.cornell.edu/search.cfm?language=en](http://dpw.law.cornell.edu/search.cfm?language=en)
- *ECPM (Together against the Death Penalty)* laman web: <http://www.ecpm.org/>
- Pakatan Global bagi Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (GANHRI) laman web: <https://ganhri.org/>
- *Network of African National Human Rights Institutions* (NANHRI) laman web: <https://www.nanhri.org/>
- Pejabat Pesuruhjaya Tinggi PBB bagi Hak Asasi Manusia (OHCHR) laman web: <https://www.ohchr.org/EN/pages/home.aspx>

PEMANSUHAN HUKUMAN MATI SATU PANDUAN PRAKTIKAL UNTUK NHRIs

Institusi-institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (*NHRIs*) adalah badan-badan awam yang mempunyai mandat untuk melindungi dan menggalakkan hak-hak asasi manusia di negara mereka. Beberapa tahun kebelakangan ini telah melihat perkembangan pengaruh yang semakin meningkat dari pihak yang baru ini, institusi-institusi bebas dengan dasar perlembagaan atau perundangan yang menyediakan mereka dengan legitimasi yang kuat untuk menjalankan aktiviti-aktiviti mereka mengikut mandat mereka.

Sejak pemansuhan hukuman mati sebagai suatu petunjuk untuk menghormati hak-hak asasi manusia telah diakui dengan baik sekarang, *NHRIs* mempunyai suatu peranan penting dalam pertarungan untuk memansuhkan hukuman mati.

Sama ada mereka berada di Negara-negara yang terus menggunakan hukuman mati, memohon suatu moratorium atau telah menghapuskan hukuman mati, setiap *NHRI* memiliki pelbagai tindakan-tindakan yang boleh dilaksanakan, sesuai dengan keperluan-keperluan negara mereka dan keadaan yang unik. Panduan ini dibuat oleh *ECPM* (*Together against the Death Penalty*) untuk dikongsi dengan *NHRIs* amalan-amalan terbaik yang dilaporkan oleh beberapa daripada mereka dan dilaksanakan tempatan untuk memaju ke arah pemansuhan.

ECPM adalah persatuan Perancis yang terkemuka dalam perjuangan penghapusan sejagat hukuman mati. Ditubuhkan pada tahun 2000, ia mengasaskan Gabungan Menentang Hukuman Mati Sedunia dan Kongres-kongres Dunia ("*World Congresses*").

Misi-misi *ECPM* ialah:

- untuk menyatukan pemansuh-pemansuh di seluruh dunia;
- untuk mengukuhkan kapasiti-kapasiti pihak-pihak tempatan;
- untuk menyokong pemansuhan sejagat;
- untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran mengenai pemansuhan hukuman mati.



ECPM
62 bis avenue Parmentier
75011 Paris
www.ecpm.org
© ECPM, 2019
Price: 20 euros
ISBN: 978-2-491354-12-1

Dengan sokongan
keuangan daripada
Kesatuan Eropah



Norwegian Ministry
of Foreign Affairs



Penerbitan ini dibangunkan dengan sokongan Kesatuan Eropah.
Kandungan penerbitan ini adalah tanggungjawab para penulis dan tidak semestinya mencerminkan pendapat Kesatuan Eropah.